

Bil. S 47

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA, 2009

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Pengenaan Perintah ini.
3. Pengenaan Perintah ini kepada Kerajaan.

BAHAGIAN II

TAFSIRAN

4. Tafsiran.
5. Makna "tempat kerja" dan "kilang".
6. Makna "pekerja" dan "majikan".

BAHAGIAN III

PERLAKSANAAN PERINTAHINI

7. Lantikan Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja dan pegawai lain.
8. Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan.
9. Pengenalan pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN AM ORANG DI TEMPAT KERJA

10. Kewajipan mengikut sifat-sifat yang berlainan.
11. Kewajipan penghuni tempat kerja.
12. Kewajipan majikan.
13. Kewajipan orang yang bekerja sendiri.
14. Kewajipan prinsipal.
15. Kewajipan orang yang sedang bekerja.
16. Kewajipan pengilang dan pembekal jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya yang digunakan semasa bekerja.
17. Kewajipan orang yang mendirikan, memasang atau mengubahsuai jentera atau kelengkapan dan orang yang mengawal jentera untuk digunakan semasa bekerja.
18. Kewajipan lain yang berkaitan penghuni dan majikan.
19. Kewajipan penghuni kawasan bersama.
20. Kesalahan melanggar kewajipan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA PESURUHJAYA

21. Kuasa untuk mengeluarkan perintah pemulihan atau perintah henti kerja.
22. Rayuan dari perintah yang dibuat oleh Pesuruhjaya.
23. Kuasa untuk menggantung sijil.

BAHAGIAN VI

**PENYIASATAN, SIASATAN DAN LAPORAN MENGENAI KEMALANGAN,
KEJADIAN BERBAHAYA DAN PENYAKIT PEKERJAAN**

24. Penyiasatan tentang kemalangan, kejadian berbahaya dll.
25. Pengubahan atau tambahan kepada jentera, kelengkapan dll.

26. Menteri boleh mengarahkan supaya siasatan diadakan.
27. Pemberitahuan dan laporan kemalangan, kejadian berbahaya dll.

BAHAGIAN VII

PENYUSUNAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

28. Pegawai dan penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja.
29. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja.
30. Juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja.
31. Kursus latihan keselamatan dan kesihatan.
32. Kehendak bagi kebenaran Pesuruhjaya untuk bertindak.
33. Permohonan bagi kebenaran dan pemberian kebenaran.
34. Tempoh kebenaran.
35. Pembatalan kebenaran.
36. Penyerahan sijil.
37. Andaian palsu mengenai gelaran.
38. Kesalahan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN VIII

TATA AMALAN

39. Tata amalan.
40. Penggunaan tata amalan yang dibenarkan dalam prosiding jenayah.

BAHAGIAN IX

PEMERIKSAAN DAN KUASA LAIN PENGUATKUASAAN

41. Kuasa pemeriksa.
42. Kuasa untuk mengambil sampel.

43. Kuasa untuk memeriksa dan memastikan kehadiran.
44. Orang tidak boleh mendedahkan maklumat terlindung.

BAHAGIAN X

KESALAHAN, HUKUMAN DAN PROSIDING

45. Kilang yang tidak berdaftar.
46. Beban untuk membuktikan apa yang boleh dibuat dengan munasabah.
47. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dll.
48. Penangkapan orang yang dituduh melakukan kesalahan di bawah bab-bab 15(3) atau 21(7).
49. Hukuman am.
50. Hukuman bagi pesalah berulang.
51. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan supaya sebab pelanggaran diremedi.
52. Pemalsuan sijil, catatan palsu dan pengakuan palsu.
53. Bila majistret boleh mengambil tahu akan kesalahan.
54. Bidang kuasa mahkamah.
55. Mengkompaun kesalahan.
56. Kuasa untuk mengubahsuai perjanjian.
57. Kuasa untuk membahagikan kos pengubahan.

BAHAGIAN XI

AM

58. Kaitan dengan undang-undang lain.
59. Liabiliti sivil.
60. Batasan liabiliti.
61. Mengecualikan pekerja, tempat kerja dan kelengkapan, dll.

62. Penyampaian dokumen, dll.

63. Pindaan Jadual.

64. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA — TEMPAT KERJA TERTAKLUK KEPADA PERINTAH INI

JADUAL KEDUA — KEJADIAN BERBAHAYA

JADUAL KETIGA — PENYAKIT-PENYAKIT PEKERJAAN

JADUAL KEEMPAT — KERJA-KERJA BINAAN KEJURUTERAAN

JADUAL KELIMA — JENTERA, KELENGKAPAN ATAU BAHAN BERBAHAYA

JADUAL KEENAM — ORANG YANG SEDANG BEKERJA YANG DIKECUALIKAN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA, 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah berkenaan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja di tempat-tempat kerja dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya".

Pengenaan Perintah ini.

2. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Perintah ini (tetapi bukan peraturan-peraturan), Perintah ini hendaklah dikenakan kepada tempat-tempat kerja dalam golongan atau perihalan tempat-tempat kerja yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menambah golongan atau perihalan tempat-tempat kerja yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan boleh menetapkan dalam perintah itu peruntukan-peruntukan peralihan sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak.

Pengenaan Perintah ini kepada Kerajaan.

3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam ceraian {2}, Perintah ini hendaklah terikat kepada Kerajaan dan hendaklah dikenakan kepada —

(a) mana-mana tempat kerja yang seluruhnya atau sebahagiannya dipunyai atau diduduki oleh Kerajaan; dan

(b) mana-mana premis di mana apa-apa pengendalian bangunan atau apa-apa kerja binaan kejuruteraan dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini akan menjadikan Kerajaan boleh didakwa kerana suatu kesalahan.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tiada seorang pun kebal dari pendakwaan kerana sebarang kesalahan di bawah Perintah ini hanya kerana dia bertugas memberi perkhidmatan kepada Kerajaan.

BAHAGIAN II

TAFSIRAN

Tafsiran.

4. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"penerima udara" bermakna —

(a) apa-apa bejana (selain dari paip atau gegelung atau aksesori, lengkapan atau bahagian kompresor) untuk mengandung udara termampat dan disambung ke loji pemampat udara;

(b) apa-apa bejana tetap untuk mengandung udara termampat dan digunakan untuk tujuan menghidupkan enjin pembakaran dalam;

(c) apa-apa botol udara blas; atau

(d) apa-apa bejana yang di dalamnya apa-apa bahan dalam bentuk pepejal atau cecair disimpan dan yang darinya bahan itu didaya oleh udara termampat;

"tata amalan yang dibenarkan" bermakna sebarang tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah bab 39;

"sedang bekerja" bermakna —

(a) berkenaan dengan seseorang pekerja, setiap masa apabila pekerja itu melaksanakan kerja berhubung dengan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion atau perusahaan yang dijalankan oleh majikannya, di mana sahaja kerja itu dijalankan;

(b) berkenaan dengan seseorang yang bekerja sendiri, setiap masa apabila orang itu melaksanakan kerja sebagai seorang yang bekerja sendiri, di mana sahaja kerja itu dijalankan;

(c) dalam sebarang hal lain, setiap masa apabila orang itu melaksanakan kerja atas arahan orang yang mengambilnya bekerja, di mana sahaja kerja itu dijalankan;

"pemeriksa yang diberi kuasa" bermakna mana-mana orang yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya di bawah bab 33 bagi maksud menjalankan sebarang pemeriksaan atau ujian yang ditetapkan ke atas mana-mana —

(a) pesawat angkat dan lif;

(b) gear angkat;

(c) alat angkat atau mesin angkat;

(d) dandang stim;

(e) penerima stim;

(f) penerima udara;

(g) penerima tekanan loji penyejukan;

(h) bejana tekanan; atau

(i) sebarang jentera lain yang dikehendaki oleh Perintah ini untuk diperiksa atau diuji oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa;

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna seseorang pegawai yang diberi kuasa yang dilantik di bawah bab 7(3);

"kecederaan badan" termasuk kecederaan kepada kesihatan, kena penyakit, dan sebarang kecederaan badan atau penyakit yang bertambah buruk, melerat atau berulang;

"bangunan" termasuk —

(a) keseluruhan atau sebarang bahagian mana-mana rumah atau mana-mana struktur lain, sama ada digunakan bagi tujuan tempat tinggal manusia atau pun selainnya; dan

(b) mana-mana struktur, topangan atau asas yang disambung ke rumah atau struktur yang disebut dalam perenggan (a);

"pengendalian bangunan" bermakna —

(a) pembinaan, pengubahan struktur, pemberian atau penyelenggaraan sesebuah bangunan (termasuk pendawaian semula sebarang pemasangan elektrik, penggantian mana-mana lif, loji penyaman udara dan penyaluran tambahan sesebuah bangunan, dan perataan semula dengan simen, penghiasan semula dan pembersihan luar struktur);

(b) perobohan sesebuah bangunan; atau

(c) penyediaan tapak bagi, dan peletakan atas bagi, sesebuah bangunan yang dicadangkan,

tetapi tidak termasuk sebarang pengendalian yang merupakan kerja binaan kejuruteraan;

"golongan atau perihalan", berkenaan dengan tempat kerja, termasuk suatu kumpulan tempat kerja yang dinyatakan dengan merujuk kepada tempat;

"Pesuruhjaya" bermakna Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang disebut dalam bab 7(1)(a);

"kontrak perkhidmatan" bermakna sebarang perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis, nyata atau tersirat, yang menurutnya mana-mana orang bersetuju untuk menggaji mana-mana orang lain sebagai seorang pekerja dan orang lain itu bersetuju untuk berkhidmat sebagai pekerjanya, dan termasuk suatu kontrak perantisan;

"kontraktor" bermakna seseorang yang diguna khidmat oleh seseorang prinsipal;

"kejadian berbahaya" bermakna apa-apa kejadian yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

"Timbalan Pesuruhjaya" bermakna seorang Timbalan Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang disebut dalam bab 7(1)(b);

"pemasangan elektrik" bermakna apa-apa kabel, wayar, lengkapan, aksesori, perkakas atau alat lain yang digunakan bagi, atau bagi maksud-maksud yang bersampingan dengan, hantaran, kawalan atau penggunaan elektrik;

"menggaji" bermakna mengambil atau menggunakan perkhidmatan mana-mana orang, sama ada di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau pun selainnya, dengan atau tanpa ganjaran;

"pekerja" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 6(1);

"majikan" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 6(1);

"kilang" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 5(2);

"gas" termasuk apa-apa gas dalam keadaan bergas atau cecair;

"loji gas" —

(a) bermakna mana-mana loji, alat atau jentera bagi mengilang atau menyimpan apa-apa gas; dan

(b) termasuk paip dan alat yang digunakan untuk membawa apa-apa gas ke tempat di mana gas itu akan digunakan;

"pemeriksa" bermakna seseorang pemeriksa yang dilantik di bawah bab 7(3) dan termasuk Pesuruhjaya dan mana-mana Timbalan Pesuruhjaya;

"lif" termasuk apa-apa alat angkat atau mesin angkat yang digunakan bagi membawa orang, sama ada bersama dengan barang-barang atau pun selainnya;

"alat angkat" termasuk blok kapi, roda gin dan blok rantai atau set blok rantai;

"gear angkat" termasuk —

(a) apa-apa rantai, tali, anduh rantai, anduh penyawangan, anduh tali, gelang, cangkuk, belenggu, swivel atau bolt tindik; dan

(b) apa-apa sangkar atau pelantar kerja yang digunakan untuk mengangkat orang semasa sangkar atau pelantar kerja itu digantung dari garis muatan sesebuah kren;

"mesin angkat" termasuk —

(a) apa-apa kren, keketam, win, tigel, landasan, pengangkut, kerangka cerucuk atau mesin cerucuk; dan

(b) apa-apa pelantar kerja atau aram gantung yang boleh dinaikkan atau diturunkan dengan pepanjat, win atau peranti berkuasa lain;

"jentera" termasuk —

(a) apa-apa enjin minyak, enjin gas, enjin stim dan apa-apa jentera lain di mana pergerakan mekanikal, sama ada lelurus, berputar atau kedua-duanya, berlaku;

(b) apa-apa dandang stim, silinder gas, penerima udara, penerima stim, kontena stim atau penerima tekanan loji penyejukan;

(c) apa-apa alat bagi penghantaran kuasa dengan tali, tali sawat, rantai, strap atau jalur atau gear pacu; dan

(d) apa-apa penjana elektrik atau motor elektrik,

tetapi tidak termasuk apa-apa jentera yang digunakan semata-mata bagi menggerakkan kenderaan;

"menyenggara" bermakna menyenggara dalam keadaan cekap, boleh digunakan dengan cekap dan tidak rosak;

"kuasa mekanikal" bermakna apa-apa tenaga yang didapat dari stim, air, angin, elektrik, udara atau gas termampat, atau pembakaran bahan api atau bahan letupan, yang digunakan untuk memacu atau menjalankan apa-apa jentera;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;

"penyakit pekerjaan" bermakna apa-apa penyakit yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

"penghuni", berkenaan dengan mana-mana premis atau sebahagian dari mana-mana premis, bermakna —

(a) dalam hal sebuah kilang jika sijil pendaftaran atau permit kilang perlu diperolehi berkenaan dengan premis itu menurut sebarang peraturan, orang yang merupakan, atau dikehendaki sebagai, pemegang sijil atau permit itu; dan

(b) dalam hal mana-mana premis lain, orang yang menjaga, mengurus atau mengawal premis itu sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau sebagai ejen orang lain, sama ada dia juga adalah pemilik premis itu atau tidak;

"pemilik", berkenaan dengan mana-mana premis, bermakna —

(a) orang yang menerima sewa atau keuntungan atas pajakan premis itu, sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain; atau

(b) orang yang akan menerima sewa atau keuntungan itu jika premis tersebut dipajakkkan;

"premis" termasuk mana-mana tempat sama ada tertutup atau terbina atau tidak, sama ada terletak di bawah tanah atau dalam air dan, khasnya, termasuk —

(a) mana-mana bangunan, kenderaan, vesel atau pesawat udara;

(b) mana-mana struktur, sama ada struktur tetap atau struktur boleh alih seperti khemah; dan

(c) sebahagian dari mana-mana premis, termasuk sebahagian dari jenis premis yang disebut dalam perenggan (a) atau (b);

"bejana tekanan" —

(a) bermakna apa-apa kontena atau bejana yang digunakan untuk mengandung apa-apa bahan di bawah tekanan; dan

(b) termasuk apa-apa dandang stim, penerima stim, penerima udara, kontena stim, penerima tekanan loji penyejukan dan silinder gas;

"penggerak utama" bermakna tiap-tiap enjin, motor atau alat lain yang membekalkan tenaga mekanikal yang didapat dari stim, air, angin, elektrik, pembakaran bahan api atau sumber lain tenaga;

"prinsipal" bermakna seseorang yang, berhubung dengan sebarang perdagangan, perniagaan, profesi atau perusahaan yang dijalankan olehnya, mengguna khidmat mana-mana orang lain kecuali di bawah suatu kontrak perkhidmatan —

(a) untuk membekalkan mana-mana buruh bagi keuntungan atau upah; atau

(b) untuk melakukan apa-apa kerja bagi keuntungan atau upah;

"penerima tekanan loji penyejukan" bermakna apa-apa bejana yang mengandung bahan pendingin di bawah tekanan;

"pengamal perubatan berdaftar" bermakna seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112);

"peraturan-peraturan" bermakna peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini;

"orang yang bekerja sendiri" bermakna seseorang yang bekerja bagi keuntungan atau upah melainkan di bawah suatu kontrak perkhidmatan, sama ada menggaji orang lain atau tidak;

"kapal" termasuk setiap jenis vesel yang digunakan dalam pelayaran, rig terapung, baj atau apa-apa pelantar yang digunakan dalam sebarang bentuk pengendalian di laut;

"dandang stim" —

(a) bermakna apa-apa bejana tertutup di mana, bagi sebarang tujuan, stim dijanakan di bawah tekanan yang lebih tinggi dari tekanan atmosfera; dan

(b) termasuk mana-mana penjimat yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada mana-mana bejana itu dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk memanaskan stim;

"kontena stim" bermakna apa-apa bejana, selain dari paip atau gegelung stim —

(a) yang dibuat dengan alur keluar tetap ke dalam atmosfera atau ke dalam suatu ruang jika tekanan tidak melebihi tekanan atmosfera; dan

(b) yang melaluinya stim melewati pada tekanan atmosfera, atau kira-kira pada tekanan itu, bagi tujuan pemanasan, pendidihan, pengeringan, penyejatan atau apa-apa tujuan yang serupa;

"penerima stim" bermakna apa-apa bejana atau alat, selain dari dandang stim, kontena stim, paip atau gegelung stim atau sebahagian dari penggerak utama, yang digunakan untuk mengandung stim di bawah tekanan lebih tinggi dari tekanan atmosfera;

"subkontraktor" bermakna seseorang yang diguna khidmat, kecuali di bawah suatu kontrak perkhidmatan, oleh mana-mana kontraktor atau subkontraktor —

(a) untuk membekalkan mana-mana buruh bagi keuntungan atau upah; atau

(b) untuk melakukan apa-apa kerja bagi keuntungan atau upah, yang telah diguna khidmat oleh kontraktor atau subkontraktor itu sebagai kontraktor atau subkontraktor, mengikut mana yang berkenaan, untuk melakukannya;

"penyedia latihan" bermakna penyedia latihan yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya untuk menyediakan kursus-kursus latihan keselamatan dan kesihatan bagi maksud-maksud bab 31;

"kerja binaan kejuruteraan" bermakna apa-apa kerja yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;

"tempat kerja" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 5(1);

"juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja" bermakna seorang juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik di bawah bab 30;

"jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja" bermakna suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik di bawah bab 29;

"penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja" bermakna seorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik di bawah bab 28;

"pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja" bermakna seorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik di bawah bab 28.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) kuasa mekanikal tidak boleh disifatkan sebagai digunakan di suatu tempat kerja hanya kerana kuasa mekanikal itu digunakan bagi tujuan pemanasan, pengalihan udara, pendinginan, penyamanan udara atau pencahayaan tempat kerja atau mana-mana bahagiannya; dan

(b) sebarang sebutan kepada kesihatan seseorang hendaklah, jika orang itu mengandung, termasuk suatu sebutan kepada kesihatan mana-mana anak yang belum lahir yang dikandung oleh orang itu.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini, seseorang itu hendaklah dianggap sebagai sedang bekerja di suatu tempat kerja sama ada dia sedang bekerja secara sah di tempat kerja itu atau tidak.

Makna "tempat kerja" dan "kilang".

5. (1) Dalam Perintah ini, "tempat kerja" bermakna mana-mana premis di mana seseorang itu sedang bekerja, akan bekerja atau lazimnya bekerja, dan termasuk sesbuah kilang.

(2) Dalam Perintah ini tetapi tertakluk kepada bab ini, "kilang" bermakna mana-mana premis yang di dalamnya —

(a) orang-orang digaji dalam apa-apa proses untuk atau bersampingan dengan apa-apa tujuan yang berikut —

- (i) membuat apa-apa barang atau sebahagian dari apa-apa barang;
- (ii) mengubah, membaiki, menghiasi, mengemas, membersihkan atau mencuci, atau memecah atau meroboh apa-apa barang; atau
- (iii) menyesuaikan apa-apa barang untuk jualan; dan

(b) apa-apa kerja yang disebut dalam perenggan (a) dijalankan melalui perdagangan atau untuk tujuan keuntungan dan yang terhadapnya atau ke atasnya majikan orang-orang yang digaji di dalamnya mempunyai hak akses atau kawalan.

(3) Premis-premis yang berikut yang di dalamnya orang-orang digaji adalah dianggap sebagai kilang —

(a) mana-mana halaman, termasuk mana-mana dok, dermaga, jeti, bagan dan kawasan sekitarnya, di mana pembinaan, pembinaan semula, pembaikan, pasang pulih, kemasan atau pemecahan kapal dijalankan, termasuk perairan yang bersempadan dengan mana-mana halaman itu di mana pembinaan, pembinaan semula, pembaikan, pasang pulih, kemasan atau pemecahan itu dijalankan oleh atau bagi pihak penghuni halaman itu;

(b) mana-mana premis di mana pengisian barang dijalankan sebagai permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam mana-mana kilang lain, atau bersampingan dengan tujuan mana-mana kilang lain, sama ada kilang lain itu terletak di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam;

(c) mana-mana premis di mana pencucian atau pengisian botol atau kontena atau pembungkusan barang dijalankan bersampingan dengan tujuan mana-mana kilang lain, sama ada kilang lain itu terletak di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam;

(d) mana-mana premis di mana perniagaan mengait, menganyam, melipat, mengumpulkan atau membungkus benang atau kain dijalankan;

(e) mana-mana tempat mendobi sebagai tambahan kepada perniagaan lain atau bersampingan dengan tujuan mana-mana institusi awam;

(f) mana-mana premis di mana pembinaan, pembinaan semula atau pemberian lokomotif, pesawat udara, kenderaan atau loji lain untuk digunakan bagi tujuan pengangkutan dijalankan sebagai tambahan kepada suatu perusahaan pengangkutan atau perusahaan perindustrian atau komersil lain, bukannya premis yang digunakan untuk tujuan menempatkan lokomotif, pesawat udara atau kenderaan di mana hanya pembersihan, pencucian, pemberian berturut-turut atau pelarasan kecil sahaja dijalankan;

(g) mana-mana premis di mana pencetakan dengan ceparas, ofset, litografi, fotogravur, rotogravur atau proses lain yang serupa, atau penjilidan bahan-bahan bercetak tersebut, dijalankan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan atau bersampingan dengan perniagaan lain yang dijalankan itu;

(h) mana-mana premis di mana pembuatan, penyesuaian atau pemberian pakaian, hiasan latar atau alatan dijalankan bersampingan dengan penerbitan filem, pita atau cakera untuk siaran atau tayangan awam atau persempahan lakonan teater melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan, tetapi bukan sesebuah pentas atau bilik persalinan sesebuah panggung di mana hanya penyesuaian atau pemberian sekali-sekala sahaja dibuat;

(i) mana-mana premis di mana perniagaan membuat atau membubul pukat dijalankan bersampingan dengan industri penangkapan ikan;

(j) mana-mana premis di mana kuasa mekanikal digunakan berhubung dengan pembuatan atau pemberian apa-apa barang bersampingan dengan mana-mana perniagaan yang dijalankan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan;

(k) mana-mana premis di mana penerbitan filem sinematograf dijalankan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan, tetapi bukan sesebuah pentas atau sesebuah bilik persalinan mana-mana pelakon dalam atau berhubungkait dengan penerbitan apa-apa filem sinematograf;

(l) mana-mana premis di mana barang-barang dibuat atau disediakan bersampingan dengan perjalanan sebarang pengendalian bangunan atau apa-apa kerja binaan kejuruteraan, bukannya premis di mana pengendalian atau kerja itu dijalankan;

(m) mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan gas, termasuk gas cecair, dalam suatu kontena yang mempunyai keupayaan simpanan tidak kurang dari 140 meter padu;

(n) mana-mana premis di mana kerja dijalankan bagi dan berhubung dengan penjanaan tenaga elektrik untuk dibekalkan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan;

(o) mana-mana premis di mana kuasa mekanikal digunakan bagi tujuan atau berhubung dengan bekalan air;

(p) apa-apa kerja kumbahan jika kuasa mekanikal digunakan dan mana-mana stesen pengepaman yang digunakan berhubung dengannya;

(q) mana-mana premis di mana pengendalian bangunan atau apa-apa kerja binaan kejuruteraan dijalankan;

(r) mana-mana premis di mana kuasa mekanikal digunakan berhubung dengan pengisihan, pembungkusan, pengendalian atau penyimpanan barang-barang dijalankan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan atau bersampingan dengan perniagaan lain yang dijalankan itu;

(s) mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan dengan banyaknya cecair toksik atau cecair mudah terbakar (tidak termasuk gas cecair) dalam suatu kontena, bukannya kontena bawah tanah, yang mempunyai keupayaan simpanan tidak kurang dari 5,000 meter padu.

(4) Jika mana-mana orang menjalankan apa-apa kerja yang disebut dalam ceraian (2) atau (3) di suatu tempat kerja dengan kebenaran yang nyata atau tersirat, atau di bawah sebarang perjanjian dengan, penghuni tempat kerja itu, maka walaupun orang itu bukan seorang pekerja kepada penghuni tempat kerja itu —

(a) tempat kerja itu hendaklah disifatkan sebagai sebuah kilang bagi maksud-maksud Perintah ini;

(b) peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan kewajipan seseorang penghuni hendaklah dikenakan kepada penghuni tempat kerja itu seolah-olah dia adalah penghuni sebuah kilang.

(5) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), jika mana-mana tempat yang terletak di dalam sesebuah kilang semata-mata digunakan bagi sesuatu tujuan selain dari apa-apa proses yang dijalankan dalam kilang itu —

(a) tempat itu tidak boleh disifatkan sebagai menjadi sebahagian dari kilang itu bagi maksud-maksud Perintah ini; tetapi

(b) tempat itu hendaklah, jika ia sebaliknya adalah sebuah kilang, disifatkan sebagai sebuah kilang berasingan bagi maksud-maksud Perintah ini.

(6) Sebahagian dari sesebuah kilang boleh, dengan kebenaran secara bertulis daripada Pesuruhjaya, disifatkan sebagai sebuah kilang berasingan bagi maksud-maksud Perintah ini.

(7) 2 buah kilang atau lebih boleh, dengan kebenaran secara bertulis daripada Pesuruhjaya, disifatkan sebagai kilang tunggal bagi maksud-maksud Perintah ini.

(8) Bagi mengelakkan keraguan, tiada premis boleh dikecualikan dari takrifan sebuah kilang hanya kerana premis itu adalah premis terbuka.

(9) Mana-mana premis di mana kerja dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan atau mana-mana badan berkanun tidak boleh dikecualikan dari takrifan sebuah kilang hanya kerana kerja yang dijalankan di premis itu tidak dijalankan melalui perdagangan atau bagi tujuan keuntungan.

Makna "pekerja" dan "majikan".

6. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2), (3), (4) dan (5), dalam Perintah ini —

"pekerja" bermakna mana-mana orang yang digaji oleh seseorang majikan untuk melakukan apa-apa kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan;

"majikan" bermakna seseorang yang, semasa menjalankan perdagangan, perniagaan, profesion atau perusahaan, menggaji mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang sebutan kepada seorang pekerja hendaklah termasuk seorang sukarelawan yang —

(a) melakukan kerja untuk orang lain dengan pengetahuan atau persetujuan orang lain itu; dan

(b) melakukan kerja atas asas sedang dilaksanakan dan tetap untuk orang lain itu,

iaitu kerja yang berhubungkait dengan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion atau perusahaan yang dijalankan oleh orang lain itu, dan Perintah ini hendaklah dikenakan —

- (i) seolah-olah sukarelawan itu adalah seorang pekerja kepada orang lain itu;
- (ii) seolah-olah orang lain itu adalah majikan kepada sukarelawan itu; dan
- (iii) seolah-olah sukarelawan itu sedang bekerja sewaktu melakukan kerja untuk orang lain itu.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang sebutan kepada seorang pekerja hendaklah juga termasuk seseorang yang berada di suatu tempat kerja bagi tujuan menerima latihan sambil bekerja atau mendapat pengalaman kerja, termasuk di bawah suatu skim pemulihian (disebut dalam ceraian ini sebagai orang A), dan Perintah ini hendaklah dikenakan —

(a) seolah-olah orang A adalah seorang pekerja kepada orang itu (disebut dalam ceraian ini sebagai orang B) yang bersetuju untuk memberikan latihan sambil bekerja atau pengalaman kerja;

(b) seolah-olah orang B adalah majikan kepada orang A; dan

(c) seolah-olah orang A sedang bekerja sewaktu di tempat kerja itu bagi tujuan menerima latihan sambil bekerja atau mendapat pengalaman kerja.

(4) Jika —

(a) seseorang majikan meletakkan seseorang pekerja (disebut dalam ceraian ini sebagai pekerja pinjaman) atas kawalan orang lain untuk melakukan kerja bagi orang lain itu; dan

(b) tidak ada apa-apa hubungan kontraktual di antara majikan tersebut dan orang lain itu berhubung dengan kerja yang akan dilaksanakan oleh pekerja pinjaman,

maka, bagi maksud-maksud Perintah ini —

(i) pekerja pinjaman hendaklah dianggap seolah-olah dia adalah seorang pekerja kepada orang lain itu (sebagai ganti majikannya) semasa pekerja pinjaman sedang bekerja untuk orang lain itu;

(ii) orang lain itu hendaklah dianggap seolah-olah dia adalah majikan kepada pekerja pinjaman semasa pekerja pinjaman sedang bekerja untuk orang lain itu; dan

(iii) pekerja pinjaman hendaklah dianggap seolah-olah dia sedang bekerja sewaktu melakukan kerja untuk orang lain itu.

(5) Jika seseorang itu menjalankan apa-apa kerja dalam sebuah kilang —

(a) penghuni kilang itu hendaklah dianggap sebagai majikan orang itu;

(b) peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dikenakan seolah-olah penghuni kilang itu adalah majikan orang itu,

melainkan jika penghuni kilang itu membuktikan bahawa dia bukanlah majikan orang itu.

BAHAGIAN III

PERLAKSANAAN PERINTAH INI

Lantikan Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja dan pegawai lain.

7. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini –

(a) Pesuruhjaya Buruh yang dilantik di bawah bab 3(1) dari Perintah Pekerjaan, 2009 adalah Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja;

(b) mana-mana Timbalan Pesuruhjaya Buruh yang dilantik di bawah bab 3(1) dari Perintah Pekerjaan, 2009 adalah seorang Timbalan Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas Menteri, bertanggungjawab bagi perlaksanaan Perintah ini dan boleh melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikenakan dan boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(3) Pesuruhjaya boleh melantik sebilangan orang sebagai pemeriksa, dan sebilangan orang lain sebagai pegawai yang diberi kuasa, sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk membantu Pesuruhjaya dalam perlaksanaan Perintah ini.

(4) Pesuruhjaya boleh, dengan kebenaran Menteri, mewakilkan perjalanan semua atau sebarang kewajipan yang dikenakan dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini (kecuali kuasa untuk mewakilkan yang diberikan oleh ceraian ini) kepada mana-mana Timbalan Pesuruhjaya, pemeriksa atau pegawai yang diberi kuasa, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(5) Notis semua lantikan yang dibuat di bawah ceraian (3) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan.

8. Pesuruhjaya dan tiap-tiap Timbalan Pesuruhjaya, pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna bab 21 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Pengenalan pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa.

9. Tiap-tiap pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah —

(a) diberikan oleh Pesuruhjaya dengan suatu sijil lantikannya sebagai seorang pemeriksa atau pegawai yang diberi kuasa, mengikut mana yang berkenaan; dan

(b) semasa menjalankan sebarang kuasa di bawah Perintah ini, apabila diminta, menunjukkan sijil lantikannya kepada orang yang terjejas oleh perjalanan kuasa-kuasa itu.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN AM ORANG DI TEMPAT KERJA

Kewajipan mengikut sifat-sifat yang berlainan.

10. Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa —

(a) seseorang itu boleh pada mana-mana satu masa menjadi 2 atau lebih yang berikut —

- (i) seorang majikan;
- (ii) seorang kontraktor;
- (iii) seorang subkontraktor;
- (iv) seorang prinsipal;
- (v) seorang yang bekerja sendiri;;
- (vi) seorang penghuni suatu tempat kerja;
- (vii) seorang pereka bentuk, pengilang atau pembekal apa-apa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya untuk digunakan semasa bekerja;
- (viii) seorang penegak, pemasang atau pengubahsuai jentera atau kelengkapan untuk digunakan semasa bekerja;
- (ix) seorang pemilik, penyewa atau penerima pajak jentera yang digerakkan dengan kuasa mekanik atau seseorang yang menyenggara jentera tersebut untuk digunakan semasa bekerja,

dan Perintah ini boleh mengenakan kewajipan-kewajipan atau liabiliti-liabiliti kepada orang itu dengan sewajarnya;

(b) Perintah ini boleh pada mana-mana satu masa mengenakan kewajipan atau liabiliti yang sama kepada 2 orang atau lebih, sama ada atas sifat yang sama atau atas sifat-sifat yang berlainan;

(c) suatu kewajipan atau liabiliti yang dikenakan oleh Perintah ini kepada mana-mana orang tidak menyusut atau terjejas oleh hakikat bahawa kewajipan atau liabiliti itu dikenakan kepada seorang atau lebih orang lain, sama ada atas sifat yang sama atau atas sifat-sifat yang berlainan.

Kewajipan penghuni tempat kerja.

11. Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap penghuni mana-mana tempat kerja untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah untuk memastikan bahawa —

(a) tempat kerja itu;

(b) semua jalan masuk ke atau jalan keluar dari tempat kerja itu; dan

(c) apa-apa jentera, kelengkapan, loji, barang atau bahan yang disimpan di tempat kerja itu,

adalah selamat dan tanpa risiko kesihatan kepada tiap-tiap orang di dalam premis tersebut, sama ada orang itu sedang bekerja atau adalah seorang pekerja kepada penghuni atau tidak.

Kewajipan majikan.

12. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya yang sedang bekerja.

(2) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang [yang bukan pekerja-pekerjanya] yang mungkin terjejas oleh sebarang perusahaan yang dijalankannya di tempat kerja.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (1), langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang yang sedang bekerja termasuk —

(a) menyediakan dan menyelenggara bagi orang-orang itu persekitaran kerja yang selamat, tanpa risiko kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan dan penyusunan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja;

(b) memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang memadai diambil berkaitan dengan apa-apa jentera, kelengkapan, loji, barang atau proses yang digunakan oleh orang-orang itu;

(c) memastikan bahawa orang-orang itu tidak terdedah kepada bahaya yang timbul dari penyusunan, pelupusan, manipulasi, pengelolaan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pengeraian atau penggunaan benda-benda —

(i) di tempat kerja mereka; atau

(ii) berhampiran dengan tempat kerja mereka dan di bawah kawalan majikan;

(d) mengadakan dan melaksanakan prosedur bagi menangani kecemasan yang mungkin timbul semasa orang-orang itu sedang bekerja;

(e) memastikan bahawa orang yang sedang bekerja mendapat arahan, maklumat, latihan dan pengawasan yang mencukupi yang perlu baginya untuk melaksanakan kerjanya.

(4) Tiap-tiap majikan hendaklah, jika dikehendaki oleh peraturan-peraturan, memberikan kepada orang-orang (yang bukan pekerja-pekerjanya) maklumat yang ditetapkan mengenai aspek-aspek cara bagaimana dia menjalankan perusahaannya yang mungkin menjelaskan keselamatan atau kesihatan mereka semasa mereka berada di tempat kerjanya.

Kewajipan orang yang bekerja sendiri.

13. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri (sama ada dia juga adalah seorang kontraktor atau subkontraktor atau tidak) untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang (yang bukan pekerja-pekerjanya) yang mungkin terjejas oleh sebarang perusahaan yang dijalankannya di tempat kerja.

(2) Tiap-tiap orang yang bekerja sendiri hendaklah, jika dikehendaki oleh peraturan-peraturan, memberikan kepada orang-orang (yang bukan pekerja-pekerjanya) maklumat yang ditetapkan mengenai aspek-aspek cara bagaimana dia menjalankan perusahaannya yang mungkin menjelaskan keselamatan atau kesihatan mereka semasa mereka berada di tempat kerjanya.

Kewajipan prinsipal.

14. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), adalah menjadi kewajipan tiap-tiap prinsipal untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan —

(a) mana-mana kontraktor yang diguna khidmat oleh prinsipal semasa sedang bekerja;

(b) mana-mana subkontraktor langsung atau tidak langsung yang diguna khidmat oleh kontraktor tersebut semasa sedang bekerja;

(c) mana-mana pekerja yang digaji oleh kontraktor atau subkontraktor tersebut semasa sedang bekerja

(2) Kewajipan yang dikenakan kepada prinsipal dalam ceraian (1) adalah terpakai hanya jika kontraktor, subkontraktor atau pekerja yang disebut dalam ceraian itu bekerja di bawah arahan prinsipal tentang cara bagaimana kerja itu dijalankan.

(3) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap prinsipal untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang (selain daripada seseorang yang disebut dalam ceraian (1)(a), (b) atau (c) yang bekerja di bawah arahan prinsipal) yang mungkin terjejas oleh sebarang perusahaan yang dijalankan olehnya di tempat kerja.

(4) Bagi maksud-maksud ceraian (1), langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang yang sedang bekerja termasuk —

(a) menyediakan dan menyelenggara bagi orang-orang itu persekitaran kerja yang selamat, tanpa risiko kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan dan penyusunan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja;

(b) memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang memadai diambil berkaitan dengan apa-apa jentera, kelengkapan, loji, barang atau proses yang digunakan oleh orang-orang itu;

(c) memastikan bahawa orang-orang itu tidak terdedah kepada bahaya yang timbul dari penyusunan, pelupusan, manipulasi, pengelolaan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pengerjaan atau penggunaan benda-benda —

(i) di tempat kerja mereka; atau

(ii) berhampiran dengan tempat kerja mereka dan di bawah kawalan prinsipal;

(d) mengadakan dan melaksanakan prosedur bagi menangani kecemasan yang mungkin timbul semasa orang-orang itu sedang bekerja;

(e) memastikan bahawa orang-orang yang sedang bekerja mendapat arahan, maklumat, latihan dan pengawasan yang mencukupi yang perlu bagi mereka untuk melaksanakan kerja mereka.

(5) Tiap-tiap prinsipal hendaklah, jika dikehendaki oleh peraturan-peraturan, memberikan kepada orang-orang (selain daripada seseorang yang disebut dalam ceraian (1)/*a*, *b*) atau *c*) yang bekerja di bawah arahan prinsipal maklumat yang ditetapkan mengenai aspek-aspek cara bagaimana dia menjalankan perusahaannya yang mungkin menjelaskan keselamatan atau kesihatan mereka semasa mereka berada di tempat kerjanya.

Kewajipan orang yang sedang bekerja.

15. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang yang sedang bekerja —

(a) untuk menggunakan dengan cara yang akan memberi perlindungan yang diinginkan, apa-apa perkakas yang sesuai, pakaian pelindung, kemudahan, kelengkapan atau alat atau benda lain yang disediakan (sama ada untuk kegunaannya sendiri atau untuk digunakan olehnya bersama dengan orang lain) bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebijakannya semasa sedang bekerja;

(b) untuk bekerjasama dengan majikan atau prinsipalnya dan mana-mana orang lain setakat yang akan membolehkan majikan, prinsipalnya atau orang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, mematuhi Perintah ini.

(2) Tiada seorang pun yang sedang bekerja boleh dengan sengaja atau melulu mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa perkakas, pakaian pelindung, kemudahan, kelengkapan atau alat atau benda lain yang disediakan (sama ada untuk kegunaannya sendiri atau untuk digunakan olehnya bersama dengan orang lain) menurut sebarang kehendak di bawah Perintah ini bagi memastikan keselamatan, kesihatan atau kebijakan orang-orang (termasuk dirinya sendiri) yang sedang bekerja.

(3) Mana-mana orang yang sedang bekerja yang, tanpa sebab yang munasabah, dengan sengaja atau melulu melakukan apa-apa perbuatan yang membahayakan keselamatan atau kesihatan dirinya atau orang lain adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

Kewajipan pengilang dan pembekal jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya yang digunakan semasa bekerja.

16. (1) Bab ini hendaklah dikenakan hanya kepada jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Tertakluk kepada bab ini, adalah menjadi kewajipan mana-mana orang yang mengilang atau membekalkan apa-apa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya untuk digunakan semasa bekerja bagi memastikan, seboleh-bolehnya dengan munasabah —

(a) bahawa maklumat yang berikut mengenai penggunaan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu dengan selamat adalah tersedia untuk mana-mana orang yang kepadanya ia dibekalkan untuk digunakan semasa bekerja —

- (i) langkah-langkah pengawasan (jika ada) yang akan diambil bagi penggunaan dan penyelenggaraan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu dengan betul;
- (ii) bahaya kesihatan (jika ada) yang berhubungkait dengan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu;
- (iii) maklumat berkenaan dengan dan hasil apa-apa ujian atau pemeriksaan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu di bawah perenggan (c) yang berkaitan dengan penggunaannya dengan selamat;

(b) bahawa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu adalah selamat, dan tanpa risiko kesihatan, apabila digunakan dengan betul;

(c) bahawa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu diuji dan diperiksa bagi mematuhi obligasi yang dikenakan oleh perenggan (b).

(3) Kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada mana-mana orang yang dikenakan ceraian (2) hendaklah —

(a) dikenakan hanya jika jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu dikilang atau dibekalkan semasa menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion atau perusahaan yang dijalankan oleh orang itu, sama ada bagi keuntungan atau tidak;

(b) dikenakan sama ada jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu dikilang atau dibekalkan semata-mata untuk digunakan oleh orang-orang yang sedang bekerja atau tidak;

(c) meliputi pembekalan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu melalui penjualan, pemindahan, pajakan atau sewa dan sama ada sebagai prinsipal atau ejen, dan pembekalan jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu kepada mana-mana orang bagi tujuan membekalkan kepada orang lain.

(4) Kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada mana-mana orang yang kepadanya ceraian (2) terpakai tidak boleh dikenakan kepada seseorang hanya kerana dia membekalkan jentera atau kelengkapan itu di bawah suatu perjanjian sewa-beli, perjanjian penjualan bersyarat atau perjanjian penjualan secara kredit kepada orang lain (disebut dalam bab ini sebagai pelanggan) semasa menjalankan suatu perniagaan pembiayaan pemerolehan jentera atau kelengkapan itu oleh pelanggan daripada orang lain.

(5) Jika seseorang itu (disebut dalam ceraian ini sebagai pembekal zahir) membekalkan apa-apa jentera atau kelengkapan untuk digunakan semasa bekerja kepada seseorang pelanggan di bawah suatu perjanjian sewa-beli, perjanjian penjualan bersyarat atau perjanjian penjualan secara kredit, dan pembekal zahir —

(a) menjalankan perniagaan pembiayaan pemerolehan barang-barang oleh orang lain melalui perjanjian-perjanjian tersebut; dan

(b) semasa menjalankan perniagaan itu memperolehi kepentingannya ke atas jentera atau kelengkapan yang dibekalkan kepada pelanggan itu sebagai cara untuk membayai pemerolehannya oleh pelanggan itu daripada orang ketiga (disebut dalam ceraian ini sebagai pembekal hakiki),

pembekal hakiki hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai membekalkan jentera atau kelengkapan tersebut kepada pelanggan itu dan bukannya pembekal zahir, dan sebarang kewajipan yang dikenakan oleh ceraian (2) kepada pembekal hendaklah dikenakan dengan sewajarnya kepada pembekal hakiki, dan bukannya kepada pembekal zahir.

(6) Jika seseorang itu mereka bentuk, mengilang atau membekalkan apa-apa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya untuk digunakan semasa bekerja dan berbuat demikian bagi atau kepada orang lain berdasarkan suatu akujanji bertulis oleh orang lain itu untuk mengambil langkah-langkah tertentu yang memadai bagi memastikan, seboleh-bolehnya dengan munasabah, bahawa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya itu adalah selamat dan tanpa risiko kesihatan apabila digunakan dengan betul, akujanji itu hendaklah mempunyai kesan untuk melepaskan orang yang mula-mula disebutkan dari kewajipan yang dikenakan oleh ceraian (2)(b) setakat mana yang munasabah dengan mengambil kira terma-terma akujanji itu.

(7) Mana-mana orang yang dikehendaki di bawah ceraian (2)(c) untuk memastikan bahawa apa-apa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya diuji dan diperiksa bagi mematuhi obligasi yang dikenakan oleh ceraian (2)(b) hendaklah dianggap sebagai telah mematuhi ceraian (2)(c) setakat mana—

(a) ujian dan pemeriksaan itu telah pun dijalankan melainkan oleh, atau bagi pihak, orang itu; dan

(b) adalah munasabah baginya untuk bersandar kepada ujian dan pemeriksaan itu.

(8) Bagi maksud-maksud bab ini, ketiadaan keselamatan, atau risiko kesihatan, tidak diambil kira setakat mana kes di mana atau yang berkenaan dengannya ia akan timbul ditunjukkan sebagai kes yang berlakunya tidak dapat diramalkan dengan munasabah.

(9) Dalam bab ini, "pembekal", berkenaan dengan apa-apa jentera, kelengkapan atau bahan berbahaya, tidak termasuk pengilang barang-barang itu apabila membekalkan, tetapi termasuk pengimport apabila membekalkan, barang-barang itu.

Kewajipan orang yang mendirikan, memasang atau mengubahsuai jentera atau kelengkapan dan orang yang mengawal jentera untuk digunakan semasa bekerja.

17. (1) Ceraian-ceraian (2), (3) dan (4) hendaklah dikenakan hanya kepada jentera atau kelengkapan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelima.

(2) Adalah menjadi kewajipan mana-mana orang yang mendirikan, memasang atau mengubahsuai apa-apa jentera atau kelengkapan untuk digunakan semasa bekerja bagi memastikan, seboleh-bolehnya dengan munasabah, bahawa jentera atau kelengkapan itu didirikan, dipasang atau diubahsuai dengan cara yang selamat, dan tanpa risiko kesihatan, jika digunakan dengan betul.

(3) Kewajipan yang dikenakan kepada seseorang yang mendirikan, memasang atau mengubahsuai apa-apa jentera atau kelengkapan di bawah ceraian (2) hendaklah dikenakan hanya jika jentera atau kelengkapan itu didirikan, dipasang atau diubahsuai semasa menjalankan perdagangan, perniagaan, profesion atau perusahaan orang itu.

(4) Mana-mana orang yang dikehendaki di bawah ceraian (2) untuk memastikan bahawa apa-apa jentera atau kelengkapan didirikan, dipasang atau diubahsuai dengan cara yang selamat, dan tanpa risiko kesihatan, apabila digunakan dengan betul hendaklah dianggap sebagai telah mematuhi ceraian itu setakat mana —

(a) dia memastikan, seboleh-bolehnya dengan munasabah, bahawa pendirian, pemasangan atau pengubahsuaiannya itu adalah menurut maklumat yang diberikan oleh perekabentuk, pengilang atau pembekal jentera atau kelengkapan itu berhubung dengan pendirian, pemasangan atau pengubahsuaiannya; dan

(b) adalah munasabah baginya untuk bersandar kepada maklumat itu.

(5) Jika apa-apa jentera yang digerakkan dengan kuasa mekanikal digunakan di mana-mana tempat kerja, maka dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam Perintah ini, adalah menjadikan kewajipan pemilik jentera itu untuk memastikan —

(a) seboleh-bolehnya dengan munasabah, bahawa jentera itu diselenggarakan dalam keadaan yang selamat; dan

(b) bahawa langkah-langkah pengawasan (jika ada) yang akan diambil bagi penggunaan jentera itu dengan selamat dan bagi bahaya kesihatan (jika ada) yang berhubungkait dengan jentera itu adalah tersedia untuk mana-mana orang yang menggunakan jentera itu.

(6) Jika pemilik apa-apa jentera yang digerakkan dengan kuasa mekanikal telah membuat suatu kontrak penyewaan atau pajakan dengan seorang penyewa atau penerima pajak, kewajipan yang dikenakan di bawah ceraian (5)(a) hendaklah dikenakan kepada penyewa atau penerima pajak jentera itu dan bukannya pemilik.

(7) Jika pemilik, penyewa atau penerima pajak apa-apa jentera yang digerakkan dengan kuasa mekanikal telah membuat suatu kontrak dengan orang lain untuk menyelenggarakan jentera itu, kewajipan di bawah ceraian (5)(a) hendaklah dikenakan kepada orang lain itu dan bukannya pemilik, penyewa atau penerima pajak.

Kewajipan lain yang berkaitan penghuni dan majikan.

18. (1) Seseorang majikan tidak boleh —

(a) memotong, atau membenarkan untuk dipotong, dari jumlah wang yang dijanjikan untuk dibayar olehnya kepada mana-mana pekerja; atau

(b) menerima, atau membenarkan mana-mana ejennya untuk menerima, apa-apa bayaran daripada mana-mana pekerja,

berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau disediakan olehnya menurut Perintah ini untuk memastikan keselamatan, kesihatan atau kebajikan mana-mana pekerja yang sedang bekerja.

(2) Seseorang majikan tidak boleh membuang kerja atau mengancam hendak membuang kerja seseorang pekerja kerana pekerja itu —

(a) telah membantu (sama ada dengan memberikan maklumat atau pun selainnya) seseorang pemeriksa, orang yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai kerajaan dalam menjalankan sebarang pemeriksaan atau penyiasatan di bawah Perintah ini kerana sesuatu pelanggaran atau sesuatu pelanggaran yang diperkatakan terhadap Perintah ini, atau bercadang hendak berbuat demikian;

(b) telah dengan suci hati meminta bantuan, atau membuat suatu laporan kepada seseorang pemeriksa atau orang yang diberi kuasa berkenaan dengan perkara keselamatan dan kesihatan, atau bercadang hendak berbuat demikian;

(c) melaksanakan kewajipan-kewajipannya dengan suci hati sebagai seorang ahli suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja; atau

(d) telah mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah bab 21 atau telah sebaliknya mematuhi Perintah ini, atau bercadang hendak berbuat demikian.

(3) Penghuni suatu tempat kerja hendaklah menyebabkan supaya disimpan di dalam tempat kerja itu —

(a) setiap dokumen yang dikeluarkan berkaitan dengan tempat kerja itu oleh Pesuruhjaya di bawah Perintah ini;

(b) satu salinan setiap notis yang diberikan kepada Pesuruhjaya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perintah ini;

(c) semua laporan dan butiran yang disediakan berkaitan dengan tempat kerja itu di bawah Perintah ini.

(4) Mana-mana penghuni suatu tempat kerja hendaklah memastikan bahawa dokumen-dokumen yang disebut dalam ceraian (3) hendaklah —

(a) disimpan selama tidak kurang dari 5 tahun daripada tarikh dokumen-dokumen itu dibuat atau selama tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) apabila sahaja dia dikehendaki berbuat demikian dalam tempoh itu, ditunjukkan dan disediakan kepada seseorang pemeriksa untuk diperiksa.

(5) Mana-mana orang yang melanggar ceraian-ceraian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(6) Mana-mana orang yang melanggar ceraian-ceraian (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

Kewajipan penghuni kawasan bersama.

19. (1) Bagi maksud-maksud ceraian (2), jika suatu bangunan mengandungi satu tempat kerja atau lebih, mana-mana harta bersama atau harta bersama terhad bangunan itu (disebut dalam bab ini sebagai kawasan bersama) yang digunakan oleh orang-orang yang sedang bekerja di mana-mana tempat kerja itu atau digunakan oleh orang-orang itu untuk lalu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian dari tempat kerja mereka.

(2) Adalah menjadi kewajipan penghuni kawasan bersama untuk mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini berkenaan dengan —

(a) penjana dan motor elektrik yang terletak di dalam kawasan bersama;

(b) pesawat angkat dan lif, gear angkat, alat angkat dan mesin angkat yang terletak di dalam kawasan bersama;

(c) jalan masuk ke dalam atau jalan keluar dari kawasan bersama;

(d) apa-apa jentera atau loji yang terletak di dalam kawasan bersama yang dipunyai atau dibekalkan oleh pemilik atau penghuni kawasan bersama;

(e) pelan tanda dan pemindahan di dalam kawasan bersama sekiranya berlaku kecemasan; dan

(f) keadaan keselamatan dan persekitaran di dalam kawasan bersama.

(3) Dalam bab ini —

"harta bersama" bermakna —

(a) berkenaan dengan mana-mana tanah dan bangunan yang terkandung atau akan terkandung dalam suatu pelan hakmilik strata, bahagian tanah dan bangunan —

(i) yang tidak terkandung dalam mana-mana lot atau lot yang dicadangkan dalam pelan hakmilik strata itu; dan

(ii) yang digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati oleh penghuni-penghuni 2 lot atau lebih atau lot-lot yang dicadangkan; atau

/b/ berkenaan dengan mana-mana tanah dan bangunan lain, bahagian tanah dan bangunan —

(i) yang tidak terkandung dalam mana-mana lot bukan strata; dan

(ii) yang digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati oleh penghuni-penghuni 2 lot bukan strata atau lebih di dalam tanah atau bangunan itu;

"harta bersama terhad" bermakna bahagian harta bersama dalam suatu petak yang —

(a) dalam hal harta bersama yang akan terkandung dalam suatu pelan hakmilik strata, ditetapkan dalam perjanjian jual beli mana-mana lot yang dicadangkan dalam petak itu untuk faedah eksklusif pembeli-pembeli mana-mana 2 atau lebih (tetapi tidak semua) dari lot-lot yang dicadangkan dalam petak itu; atau

(b) dalam hal harta bersama yang terkandung dalam suatu pelan hakmilik strata, ditetapkan dalam pelan hakmilik strata itu atau suatu ketetapan menyeluruh yang diluluskan oleh perbadanan pengurusan yang ditubuhkan berkaitan dengan pelan hakmilik strata itu untuk faedah eksklusif tuanpunya pecahan 2 lot atau lebih (tetapi tidak semua) dalam pelan hakmilik strata itu,

tetapi tidak termasuk —

(i) asas, tiang, rasuk, topang, dinding, bumbung, dan mana-mana tingkap yang dipasang pada mana-mana dinding luar, mana-mana bangunan di dalam petak itu; dan

(ii) mana-mana pelongsor, paip, wayar, kabel, salur dan kemudahan lain bagi saluran atau bekalan air, kumbahan, saliran, gas, minyak, elektrik, telefon, radio, televisyen, sampah, sistem pemanasan dan pendinginan, atau perkhidmatan lain yang seumpamanya, yang tidak terkandung dalam mana-mana lot atau lot yang dicadangkan dan diperlukan untuk kegunaan bersama penghuni-penghuni semua lot atau lot yang dicadangkan dalam petak itu;

"penghuni", berkenaan dengan suatu kawasan bersama, termasuk strata atau perbadanan pengurusan yang mengawal kawasan bersama itu;

"petak" bermakna keseluruhan mana-mana tanah, bangunan dan harta bersama yang terkandung atau akan terkandung dalam suatu pelan hakmilik strata.

Kesalahan melanggar kewajipan di bawah Bahagian ini.

20. Sekiranya sebarang pelanggaran dilakukan oleh mana-mana orang terhadap sebarang peruntukan dalam Bahagian ini yang mengenakan suatu kewajipan kepada seseorang, maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA PESURUHJAYA

Kuasa untuk mengeluarkan perintah pemulihan atau perintah henti kerja.

21. (1) Bab ini hendaklah dikenakan jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa —

(a) mana-mana tempat kerja adalah dalam keadaan, atau terletak demikian, atau mana-mana bahagian jentera, kelengkapan, loji atau barang di tempat kerja itu adalah digunakan demikian, bahawa sebarang proses atau kerja yang dijalankan di tempat kerja itu tidak boleh dijalankan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja;

(b) mana-mana orang telah melanggar sebarang kewajipan yang dikenakan oleh Perintah ini; atau

(c) mana-mana orang telah melakukan apa-apa perbuatan, atau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang, pada pendapat Pesuruhjaya, menimbulkan atau mungkin menimbulkan bahaya kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja.

(2) Jika bab ini dikenakan, Pesuruhjaya boleh menyampaikan suatu perintah pemulihan atau suatu perintah henti kerja berkaitan dengan suatu tempat kerja kepada —

(a) mana-mana orang yang mengawal tempat kerja itu, atau proses atau kerja yang dijalankan di tempat kerja itu;

(b) mana-mana orang yang kewajipannya di bawah Perintah ini adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan mana-mana orang yang sedang bekerja di tempat kerja itu; atau

(c) mana-mana orang yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan bahaya kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan mana-mana orang yang sedang bekerja di tempat kerja itu.

(3) Suatu perintah pemulihan di bawah bab ini hendaklah —

(a) mengarahkan orang yang disampaikan dengan perintah itu untuk mengambil langkah-langkah, sehingga memuaskan hati Pesuruhjaya —

- (i) untuk memulihkan apa-apa bahaya bagi membolehkan kerja atau proses di tempat kerja itu dijalankan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja;
- (ii) untuk mematuhi sebarang kewajipan yang dikenakan oleh Perintah ini; atau
- (iii) untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam ceraian (1)(c); dan

(b) menyatakan tarikh perintah itu akan berkuatkuasa dan tempoh (yang berjalan mulai dari tarikh perintah pemulihan itu berkuatkuasa) sebarang langkah yang dikehendaki oleh perintah itu diambil.

(4) Suatu perintah henti kerja hendaklah —

(a) mengarahkan orang yang disampaikan dengan perintah itu untuk berhenti dengan serta-merta dari menjalankan apa-apa kerja atau proses —

- (i) bagi tempoh masa yang tidak ditentukan; atau
- (ii) sehingga langkah-langkah yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya telah diambil, sehingga memuaskan hati Pesuruhjaya, untuk memulihkan apa-apa bahaya bagi membolehkan kerja atau proses di tempat kerja itu dijalankan dengan memberi perhatian kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja; dan

(b) menyatakan tarikh perintah itu akan berkuatkuasa.

(5) Dengan tidak menghiraukan bab 7(4), Pesuruhjaya boleh mewakilkan kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah pemulihan atau perintah henti kerja kepada mana-mana Timbalan Pesuruhjaya.

(6) Mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu perintah pemulihan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh

tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(7) Mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu perintah henti kerja adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$20,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(8) Jika mana-mana orang gagal mematuhi suatu perintah pemulihan atau perintah henti kerja, Pesuruhjaya boleh —

(a) pada setiap masa yang munasabah memasuki tempat kerja itu dan mengambil langkah-langkah dan melakukan kerja sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menguatkuaskan perintah itu; dan

(b) mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghalang —

- (i) kemasukan tanpa kebenaran ke mana-mana kawasan; atau
- (ii) akses tanpa kebenaran kepada apa-apa jentera, kelengkapan, loji atau barang yang terjejas oleh perintah itu.

(9) Apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Pesuruhjaya di bawah ceraian (8) boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan daripada orang yang disampaikan dengan perintah pemulihan atau perintah henti kerja itu.

(10) Jika Pesuruhjaya telah mengambil langkah-langkah di bawah ceraian (8)(b) berkaitan dengan mana-mana kawasan atau jentera, kelengkapan, loji atau barang, mana-mana orang yang, dengan mengetahui bahawa langkah-langkah tersebut telah diambil, memasuki kawasan itu atau mendapat akses kepada jentera, kelengkapan, loji atau barang itu tanpa kebenaran Pesuruhjaya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Rayuan dari perintah yang dibuat oleh Pesuruhjaya.

22. (1) Mana-mana orang yang terjejas oleh sebarang perintah yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah bab 21 boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh perintah itu disampaikan, membuat rayuan kepada Menteri yang boleh membatalkan atau mengubah perintah itu dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(2) Jika suatu rayuan dibuat kepada Menteri terhadap sebarang perintah pemulihan, perintah itu tidaklah berkuatkuasa sementara menunggu keputusan rayuan itu.

(3) Jika suatu rayuan dibuat kepada Menteri terhadap sebarang perintah henti kerja, orang yang terjejas hendaklah mematuhi perintah itu sementara menunggu keputusan rayuan itu, dan perintah henti kerja itu hendaklah berkuatkuasa sehingga perintah itu sebaliknya dibatalkan atau diubah.

Kuasa untuk menggantung sijil.

23. (1) Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya patut, menggantung sebarang sijil yang dikeluarkan olehnya di bawah Perintah ini berkaitan dengan apa-apa kerja atau tempat kerja, dan hendaklah memberitahu orang yang dinamakan dalam sijil itu secara bertulis mengenai penggantungan tersebut dan sebab penggantungan sijil itu.

(2) Jika sebarang sijil digantung di bawah ceraian (1), orang yang terjejas hendaklah berhenti dengan serta-merta dari melakukan apa-apa kerja di mana-mana tempat kerja yang baginya sijil itu dikehendaki.

(3) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN, SIASATAN DAN LAPORAN MENGENAI KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA DAN PENYAKIT PEKERJAAN

Penyiasatan tentang kemalangan, kejadian berbahaya dll.

24. Jika Pesuruhjaya mengetahui sebarang kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan di suatu tempat bekerja, dia boleh mengarahkan seseorang pemeriksa untuk menyiasat hal keadaan kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu.

Pengubahan atau tambahan kepada jentera, kelengkapan dll.

25. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa persetujuan Pesuruhjaya —
- (a) mengubah, mengganti, memindah atau menambah apa-apa jentera, kelengkapan, loji atau barang yang mungkin menyebabkan kepada berlakunya sebarang kemalangan yang mengakibatkan kematian mana-mana orang atau sebarang kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan; atau
 - (b) mengubahsuai tempat kemalangan maut atau kejadian berbahaya atau tempat di mana penyakit pekerjaan itu berlaku.
- (2) Penghuni suatu tempat kerja di mana suatu kemalangan, suatu kejadian berbahaya atau suatu penyakit pekerjaan berlaku hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang mana-mana orang dari —
- (a) mengubah, mengganti, memindah atau menambah apa-apa jentera, kelengkapan, loji atau barang yang mungkin menyebabkan kepada berlakunya kemalangan yang mengakibatkan kematian mana-mana orang atau kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu; atau
 - (b) mengubahsuai tempat kemalangan maut atau kejadian berbahaya atau tempat di mana penyakit pekerjaan itu berlaku.
- (3) Hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa sebarang pengubahan, penggantian, pemindahan atau penambahan yang disebut dalam ceraian (1) dibuat oleh penghuni suatu tempat kerja.
- (4) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian-ceraian (1) atau (2) boleh dikendalikan sehingga mengganggu kerja menyelamat atau kerja yang diperlukan bagi keselamatan am nyawa dan harta.
- (5) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) dan mana-mana penghuni tempat kerja itu yang melanggar ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menteri boleh mengarahkan supaya siasatan diadakan.

26. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik suatu Jawatankuasa Siasatan untuk mengadakan suatu siasatan mengenai sebarang kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan yang telah berlaku di suatu tempat kerja dan mengenai sebab-sebab dan hal keadaannya, dan mengarahkan supaya Jawatankuasa itu melaporkan keputusannya kepada Menteri.

(2) Jawatankuasa Siasatan itu hendaklah mengadakan siasatan tersebut di suatu tempat di mana orang ramai pada amnya mungkin mempunyai akses dengan cara dan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya paling berkesan bagi —

(a) memastikan sebab-sebab dan hal keadaan kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu; dan

(b) membolehkannya untuk membuat laporan kepada Menteri.

(3) Jawatankuasa Siasatan itu hendaklah mempunyai, bagi maksud-maksud siasatan tersebut —

(a) semua kuasa Mahkamah Majistret;

(b) semua kuasa seorang pemeriksa di bawah Perintah ini; dan

(c) semua kuasa yang berikut —

(i) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana premis, kemasukan atau pemeriksaan premis itu pada pendapat Jawatankuasa Siasatan itu perlu bagi maksud-maksud siasatan tersebut;

(ii) dengan saman untuk menghendaki kehadiran semua orang yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Siasatan itu untuk dipanggil di hadapannya dan memeriksa dan untuk menghendaki jawapan atau pernyataan kepada siasatan tersebut sebagaimana yang difikirkannya patut;

(iii) untuk menghendaki pengemukaan semua buku, kertas dan dokumen yang dianggap penting oleh Jawatankuasa Siasatan itu bagi maksud-maksud siasatan tersebut; dan

(iv) untuk mentadbirkan sumpah dan menghendaki mana-mana orang yang diperiksa untuk membuat dan menandatangani suatu pengakuan mengenai kebenaran pernyataan-pernyataan yang dibuat olehnya dalam pemeriksaannya.

(4) Setelah siasatannya selesai, Jawatankuasa Siasatan itu hendaklah membuat suatu laporan kepada Menteri —

(a) yang menyatakan sebab-sebab kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu dan hal keadaannya; dan

(b) yang menambah sebarang pemerhatian atau sokongan yang difikirkannya sesuai untuk dibuat.

(5) Jika Jawatankuasa Siasatan itu berpendapat bahawa prosiding jenayah patut dimulakan terhadap mana-mana orang berhubung dengan kemalangan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu, dia hendaklah mengemukakan satu salinan laporan itu kepada Pendakwa Raya.

(6) Mana-mana orang yang —

(a) gagal mematuhi sebarang saman, perintah atau permintaan Jawatankuasa Siasatan itu; atau

(b) mencegah atau menghalang Jawatankuasa Siasatan itu dalam perlaksanaan kewajipan-kewajipannya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

(7) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (6)(a) untuk membuktikan bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk tidak mematuhi saman, perintah atau permintaan Jawatankuasa Siasatan itu.

(8) Menteri boleh menyebabkan laporan Jawatankuasa Siasatan itu diumumkan pada masa dan dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemberitahuan dan laporan kemalangan, kejadian berbahaya dll.

27. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan menghendaki seseorang majikan, penghuni, pengamal perubatan berdaftar atau mana-mana orang lain untuk memberitahu atau mengemukakan suatu laporan kepada Pesuruhjaya, sekiranya berlaku suatu kemalangan, suatu kejadian berbahaya atau suatu penyakit pekerjaan di suatu tempat kerja yang ditetapkan.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (1) boleh dikenakan kepada —

(a) suatu tempat kerja yang tidak dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan

(b) seseorang yang merupakan orang yang sedang bekerja yang dikecualikan yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

BAHAGIAN VII

PENYUSUNAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Pegawai dan penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

28. (1) Setiap tempat kerja dalam golongan atau perihalan tempat-tempat kerja yang ditetapkan hendaklah mempunyai seorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja atau seorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik berkaitan dengannya.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, Menteri boleh menetapkan —

(a) cara lantikan seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja dan seseorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja;

(b) tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja dan seseorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja;

(c) kuasa-kuasa seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja dan seseorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja, iaitu kuasa-kuasa perlu bagi pegawai atau penyelaras, mengikut mana yang berkenaan, untuk melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

29. (1) Setiap tempat kerja dalam golongan atau perihalan tempat-tempat kerja yang ditetapkan hendaklah mempunyai suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik berkaitan dengannya.

(2) Setiap jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja di suatu tempat kerja hendaklah terdiri daripada wakil-wakil pekerja tempat kerja itu dan juga majikan.

(3) Tugas-tugas suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik berkaitan dengan suatu tempat kerja adalah —

(a) untuk sentiasa mengkaji semula hal keadaan di tempat kerja itu yang menjelaskan atau mungkin menjelaskan keselamatan atau kesihatan orang-orang di tempat kerja itu;

(b) untuk menggalakkan kerjasama di antara majikan dan pekerja-pekerja dalam mencapai dan mengekalkan keadaan bekerja yang selamat dan sihat;

(c) untuk menjalankan pemeriksaan tempat sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja;

(d) untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau diberikan kepada jawatankuasa itu di bawah Perintah ini;

(e) tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Majikan hendaklah menyediakan kemudahan dan memberi bantuan kepada jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja di suatu tempat kerja sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh jawatankuasa itu bagi maksud melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah bab ini.

(5) Suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin ditetapkan, iaitu kuasa-kuasa perlu baginya untuk melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

Juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

30. (1) Setiap tempat kerja dalam golongan atau perihalan tempat-tempat kerja yang ditetapkan hendaklah mempunyai seorang juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik berkaitan dengannya.

(2) Tugas-tugas seseorang juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilantik berkaitan dengan suatu tempat kerja adalah untuk mengaudit, dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya, dengan tujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja di tempat kerja itu —

(a) sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan tempat kerja itu;

(b) sebarang penilaian risiko berhubung dengan tempat kerja itu atau kerja yang dijalankan di tempat kerja itu;

(c) sebarang proses kerja di tempat kerja itu; dan

(d) tempat kerja itu.

(3) Seseorang juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin ditetapkan, iaitu kuasa-kuasa perlu baginya untuk melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

(4) Dalam bab ini, "penilaian risiko" bermakna proses menilai kemungkinan dan akibat kecederaan atau penyakit yang berpunca dari pendedahan kepada suatu bahaya yang dikenalpasti, dan menentukan langkah-langkah yang sesuai bagi kawalan risiko.

Kursus latihan keselamatan dan kesihatan.

31. (1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menghendaki golongan atau perihalan orang-orang yang ditetapkan untuk menghadiri kursus-kursus latihan yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Majikan mana-mana orang yang dikehendaki untuk menghadiri sebarang kursus latihan di bawah ceraian (1) hendaklah memastikan bahawa orang itu menamatkan kursus latihan keselamatan dan kesihatan tersebut sebelum membenarkannya melaksanakan apa-apa kerja yang baginya latihan itu dikehendaki.

(3) Sebarang kursus latihan keselamatan dan kesihatan yang disebut dalam ceraian (1) hendaklah dijalankan oleh seorang penyedia latihan yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya.

(4) Walaupun seseorang itu telah menamatkan kursus latihan keselamatan dan kesihatan yang dikehendaki di bawah bab ini, Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya bahawa suatu kursus ulang kaji adalah perlu, mengeluarkan suatu arahan bertulis yang menghendaki supaya orang itu menghadiri satu lagi kursus latihan tersebut.

(5) Seseorang majikan yang melanggar ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Kehendak bagi kebenaran Pesuruhjaya untuk bertindak.

32. Tiada sesiapa pun boleh bertindak sebagai —

(a) seorang pemeriksa yang diberi kuasa bagi maksud menjalankan sebarang pemeriksaan atau ujian yang ditetapkan ke atas mana-mana —

- (i) pesawat angkat atau lif;
- (ii) gear angkat;
- (iii) alat angkat atau mesin angkat;
- (iv) dandang stim;

- (v) penerima stim;
 - (vi) penerima udara;
 - (vii) penerima tekanan loji penyecukan;
 - (viii) bejana tekanan; atau
 - (ix) sebarang jentera lain yang dikehendaki oleh Perintah ini untuk diperiksa atau diuji oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa;
- (b) seorang pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja;
- (c) seorang penyelaras keselamatan dan kesihatan tempat kerja;
- (d) seorang juruaudit keselamatan dan kesihatan tempat kerja; dan
- (e) seorang penyedia latihan,

(disebut dalam Bahagian ini sebagai orang yang diberi kuasa) kecuali dengan kebenaran Pesuruhjaya.

Permohonan bagi kebenaran dan pemberian kebenaran.

33. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran untuk bertindak sebagai orang yang diberi kuasa hendaklah —

- (a) dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya;
- (b) disertakan dengan maklumat, pernyataan dan dokumen sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya; dan
- (c) disertakan dengan bayaran yang ditetapkan.

(2) Pesuruhjaya tidak boleh membenarkan mana-mana orang sebagai orang yang diberi kuasa melainkan jika dia berpuas hati bahawa pemohon —

- (a) memiliki kelayakan yang ditetapkan dan pengalaman praktikal yang ditetapkan; dan
- (b) layak dengan memadai dan adalah, dalam semua hal lain, seorang yang layak dan sesuai, untuk diamanahkan menjalankan kerja orang yang diberi kuasa yang berkaitan.

(3) Setelah kebenaran diberikan kepada seseorang sebagai orang yang diberi kuasa, Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kapadanya sijil kebenaran untuk bertindak sebagai orang yang diberi kuasa yang berkaitan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya oleh Pesuruhjaya.

Tempoh kebenaran.

34. Tertakluk kepada bab 35, sebarang kebenaran yang diberikan kepada seseorang sebagai orang yang diberi kuasa adalah masing-masing sah bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya.

Pembatalan kebenaran.

35. (1) Pesuruhjaya boleh menggantung atau membatalkan kebenaran yang diberikan kepada mana-mana orang sebagai orang yang diberi kuasa jika —

(a) dia berpuashati bahawa orang itu —

- (i) telah mendapatkan atau memperolehi kebenarannya dengan penipuan atau salah nyata;
- (ii) melanggar sebarang syarat yang tertakluk kapadanya kebenaran itu diberikan; atau
- (iii) tidak lagi menjadi seorang yang layak dan sesuai untuk bertindak sebagai orang yang diberi kuasa yang berkaitan; atau

(b) dia menganggap bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan kebenaran yang diberikan kepada mana-mana orang sebagai orang yang diberi kuasa di bawah ceraian (1) —

(a) memberi kepada orang yang terjejas notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian;

(b) menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari 21 hari selepas tarikh notis itu, setelah itu penggantungan atau pembatalan tersebut hendaklah berkuatkuasa; dan

(c) meminta orang yang terjejas untuk menunjukkan sebab kepada Pesuruhjaya kenapa kebenarannya sebagai orang yang diberi kuasa tidak patut digantung atau dibatalkan.

(3) Jika orang yang kepadanya suatu notis telah diberikan di bawah ceraian (2) —

(a) tidak menunjukkan sebab dalam tempoh masa yang diberikan kepadanya untuk berbuat demikian atau tempoh masa lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pesuruhjaya; atau

(b) tidak menunjukkan sebab yang mencukupi,

Pesuruhjaya hendaklah memberi notis secara bertulis kepada orang itu mengenai tarikh yang mulai dari tarikh itu penggantungan atau pembatalan kebenaran itu hendaklah berkuatkuasa.

(4) Seseorang yang kebenarannya sebagai orang yang diberi kuasa telah digantung atau dibatalkan boleh, dalam masa 14 hari selepas menerima notis yang disebut dalam ceraian (3), merayu secara bertulis terhadap penggantungan atau pembatalan itu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

Penyerahan sijil.

36. Seseorang yang kebenarannya sebagai orang yang diberi kuasa telah digantung atau dibatalkan oleh Pesuruhjaya di bawah bab 35 hendaklah, dalam masa 7 hari dari tarikh pembatalan itu, menyerahkan sijil kebenarannya yang dikeluarkan di bawah bab 33(3).

Andaian palsu mengenai gelaran.

37. Tiada sesiapa pun boleh mengaku atau membayangkan bahawa dia telah diberikan kebenaran oleh Pesuruhjaya sebagai orang yang diberi kuasa yang berkaitan melainkan jika dia telah diberikan kebenaran yang sedemikian itu di bawah bab 33.

Kesalahan di bawah Bahagian ini.

38. Mana-mana orang yang melanggar bab-bab 32, 36 atau 37 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN VIII

TATA AMALAN

Tata amalan.

39. (1) Bagi maksud memberi panduan praktikal berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja, Pesuruhjaya boleh —

(a) mengeluarkan satu tata amalan atau lebih, yang boleh termasuk sebarang tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain jika dia menganggap tata amalan itu sesuai bagi maksud ini;

(b) membenarkan sebagai suatu tata amalan apa-apa dokumen yang disediakan oleh mana-mana orang selain daripada Pesuruhjaya jika Pesuruhjaya menganggap dokumen itu sebagai suatu dokumen yang sesuai bagi maksud ini; dan

(c) meminda atau membatalkan sebarang tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah bab ini.

(2) Kuasa Pesuruhjaya di bawah ceraian-ceraian (1)(a) atau (b) untuk mengeluarkan atau membenarkan suatu tata amalan yang merupakan sama ada suatu tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain atau suatu dokumen yang disediakan oleh seseorang selain daripada Pesuruhjaya hendaklah termasuk kuasa untuk mengeluarkan atau membenarkan sebahagian dari tata amalan atau dokumen tersebut.

(3) Jika suatu tata amalan dikeluarkan, dipinda atau dibatalkan oleh Pesuruhjaya di bawah ceraian (1), Pesuruhjaya hendaklah —

(a) menyiarkan suatu notis mengenai pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, dengan cara yang akan memastikan publisiti yang mencukupi bagi pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan tersebut;

(b) menyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan (a) —

(i) tarikh pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan, mengikut mana yang berkenaan;

(ii) kelas bahaya, aktiviti atau barang yang berkaitan dengannya tata amalan itu dikeluarkan, dibenarkan, dipinda atau dibatalkan; dan

(iii) tempat di mana dan masa bila tata amalan yang menjadi perkara notis itu boleh diperiksa; dan

(c) memastikan bahawa, selagi tata amalan itu terus berkuatkuasa, salinan-salinan tata amalan itu, dan semua pindaan kepada tata amalan itu, tersedia ada —

(i) untuk pemeriksaan orang ramai secara percuma; dan

(ii) untuk dibeli oleh orang ramai pada suatu harga yang munasabah.

(4) Tiada tata amalan, tiada pindaan kepada suatu tata amalan yang dibenarkan, dan tiada pembatalan sebarang tata amalan yang dibenarkan, boleh mempunyai sebarang kuatkuasa atau kesan sebagai suatu tata amalan yang dibenarkan sehingga notis berhubung dengannya disiarkan menurut ceraian (3).

(5) Suatu tata amalan yang dibenarkan yang juga merupakan sama ada suatu tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain atau suatu dokumen yang disediakan oleh seseorang selain daripada Pesuruhjaya hendaklah mengandungi isi kandungan tata amalan atau dokumen itu oleh kerana tata amalan atau dokumen itu wujud pada tarikh ia dikeluarkan atau dibenarkan sebagai suatu tata amalan yang dibenarkan di bawah bab ini.

(6) Jika mana-mana peruntukan dalam sebarang tata amalan yang dibenarkan adalah bertentangan dengan mana-mana peruntukan Perintah ini, peruntukan tersebut, setakat mana yang bertentangan —

(a) hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini; atau

(b) dengan memberi perhatian kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tidaklah berkuatkuasa.

(7) Sebarang tata amalan yang dibenarkan hendaklah dianggap sebagai bukan undang-undang tambahan.

Penggunaan tata amalan yang dibenarkan dalam prosiding jenayah.

40. (1) Seseorang itu tidak boleh dikenakan sebarang prosiding jenayah hanya kerana dia tidak mematuhi sebarang tata amalan yang dibenarkan.

(2) Dalam sebarang prosiding kerana sebarang kesalahan di bawah Perintah ini, suatu tata amalan yang dibenarkan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang perlu bagi pihak pendakwa untuk membuktikan bagi memastikan berlakunya kesalahan itu boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding tersebut.

(3) Tanpa menyentuh apa-apa cara lain untuk membuktikan, dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini —

(a) pengemukaan suatu dokumen yang dikatakan sebagai satu salinan suatu notis yang disiarkan oleh Pesuruhjaya di bawah bab 39(3)*a*) hendaklah dianggap sebagai notis tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya.

(b) pengemukaan suatu tata amalan, atau suatu pindaan atau pembatalan suatu tata amalan, yang dikatakan sebagai perkara suatu notis di bawah bab 39(3)*a*) hendaklah dianggap sebagai perkara notis itu sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Dalam menentukan bagi maksud sebarang peruntukan Perintah ini tentang sama ada apa-apa jentera, kelengkapan, loji, pepasangan atau barang adalah dari binaan yang baik, bahan yang kukuh, kekuatan yang mencukupi atau menurut prinsip-prinsip keselamatan dan amalan yang baik yang diterima pada amnya, perhatian hendaklah diberikan kepada sebarang piawaian, tata amalan atau panduan yang berkaitan yang boleh diterima oleh Pesuruhjaya.

BAHAGIAN IX

PEMERIKSAAN DAN KUASA LAIN PENGUATKUASAAN

Kuasa pemeriksa.

41. (1) Seseorang pemeriksa hendaklah, bagi maksud-maksud melaksanakan Perintah ini, mempunyai kuasa —

(a) untuk memasuki, memeriksa dan menyelidiki mana-mana tempat kerja pada bila-bila masa;

(b) pada setiap masa yang munasabah, untuk memasuki, memeriksa dan menyelidiki mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai —

(i) suatu tempat kerja; atau

(ii) suatu tempat di mana suatu tempat kerja merupakan sebahagiannya;

(c) untuk memeriksa dan menyelidiki apa-apa jentera, kelengkapan, loji, pepasangan atau barang di mana-mana tempat yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) atau (b);

(d) untuk menghendaki pengemukaan rekod, sijil, notis dan dokumen tempat kerja yang disimpan atau dikehendaki untuk disimpan di bawah Perintah ini, dan untuk memeriksa, menyelidiki dan membuat salinan mana-mana daripadanya;

(e) untuk membuat pemeriksaan dan siasatan sebagaimana yang mungkin perlu bagi memastikan sama ada peruntukan-peruntukan Perintah ini dipatuhi, setakat yang berkenaan dengan mana-mana tempat kerja dan mana-mana orang yang sedang bekerja;

(f) untuk menghendaki mana-mana orang yang dijumpainya di suatu tempat kerja untuk memberikan butir-butir majikan dan penghuni tempat kerja itu yang diketahuinya;

(g) dalam hal seseorang pemeriksa yang merupakan seorang pengamal perubatan berdaftar, untuk menjalankan ke atas mana-mana orang yang sedang bekerja atau telah bekerja di suatu tempat kerja pemeriksaan perubatan sebagaimana mungkin perlu bagi maksud kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini;

(h) untuk mengambil sampel apa-apa benda atau bahan yang dijumpai di suatu tempat kerja atau dilepaskan dari mana-mana tempat kerja bagi maksud analisis atau ujian;

(i) untuk menilai tahap bising, cahaya, haba atau bahan-bahan yang memudaratkan atau berbahaya di mana-mana tempat kerja dan tahap dedahan orang-orang yang sedang bekerja di dalamnya;

(j) untuk menghendaki mana-mana hospital, klinik perubatan atau rumah mayat untuk memberikan apa-apa maklumat (termasuk rekod perubatan) mana-mana orang yang sedang bekerja atau telah bekerja di suatu tempat kerja yang cedera dalam suatu kemalangan di suatu tempat kerja atau yang disyaki menghidap suatu penyakit pekerjaan yang didapat dari suatu tempat kerja dan sedang menerima rawatan di hospital atau klinik perubatan itu;

(k) untuk mengambil gambar atau rakaman video sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk merakamkan keadaan di suatu tempat kerja dan proses yang dijalankan di dalamnya yang mungkin membahayakan keselamatan atau kesihatan orang-orang yang sedang bekerja di dalamnya;

(1) untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa barang yang berkaitan dengan sebarang penyiasatan atau siasatan di bawah Perintah ini dan, jika perlu, menahan apa-apa barang tersebut; dan

(m) untuk menghendaki mana-mana orang yang dijumpainya di tempat kerja itu untuk menunjukkan keterangan mengenai identitinya.

(2) Mana-mana orang yang dijumpai di suatu tempat kerja hendaklah memberikan segala bantuan dan kerjasama yang perlu kepada pemeriksa yang diperlukan untuk memasuki, memeriksa, menyelidiki, menyiasat, mengambil sampel atau pun selainnya bagi menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini berkenaan dengan tempat kerja itu.

(3) Jika kemasukan ke suatu tempat kerja tidak dapat diperolehi, seseorang pemeriksa boleh —

(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam atau jendela yang mengarah ke tempat kerja itu;

(b) memasuki dengan kekerasan tempat kerja itu dan setiap bahagiannya; atau

(c) memindah dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pemeriksaan, penyelidikan atau siasatannya.

(4) Mana-mana orang yang —

(a) mengadang atau melewatkam seseorang pemeriksa dalam menjalankan mana-mana kuasanya di bawah bab ini;

(b) tidak mematuhi sebarang perintah seseorang pemeriksa di bawah bab ini, atau tidak mengemukakan sebarang rekod, sijil, notis atau dokumen yang dia dikehendaki oleh atau di bawah Perintah ini untuk mengemukakannya;

(c) enggan memberikan apa-apa maklumat tentang siapa majikan atau penghuni tempat kerja itu; atau

(d) menyembunyikan atau menghalang, atau cuba menyembunyikan atau menghalang, seseorang daripada hadir di hadapan atau diperiksa oleh seseorang pemeriksa,

ialah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-dua sekali.

Kuasa untuk mengambil sampel

42. (1) Seseorang pemeriksa boleh, pada bila-bila masa selepas memberitahu penghuni suatu tempat kerja atau mana-mana orang yang nampaknya menjaga tempat kerja itu, mengambil sampel-sampel yang mencukupi untuk dianalisis —

(a) apa-apa bahan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan di tempat kerja itu;

(b) apa-apa bahan yang dijumpai di tempat kerja itu yang dikehendaki bagi maksud-maksud suatu penyiasatan atau siasatan di bawah Perintah ini;

(c) apa-apa bahan yang penggunaan atau keberadaannya di tempat kerja itu adalah disyaki sebagai dilarang di bawah Perintah ini; atau

(d) apa-apa bahan yang dijumpai di tempat kerja itu yang, pada pendapatnya, mungkin atau boleh membuktikan apabila dianalisis sebagai mungkin menyebabkan kecederaan badan kepada orang-orang yang sedang bekerja di tempat kerja itu.

(2) Penghuni suatu tempat kerja atau mana-mana orang yang nampaknya menjaga tempat kerja itu boleh, pada masa apabila suatu sampel diambil di bawah bab ini, dan setelah menyediakan perkakas yang diperlukan, menghendaki pemeriksa itu untuk membahagikan sampel itu kepada 3 bahagian, untuk menandakan dan mengelak atau menutup setiap bahagian mengikut cara yang dibenarkan oleh keadaannya, dan —

(a) untuk menyerahkan satu bahagian kepada penghuni tempat kerja itu atau orang yang nampaknya menjaga tempat kerja itu;

(b) untuk menyimpan satu bahagian bagi perbandingan masa hadapan; dan

(c) untuk mengemukakan satu bahagian kepada mana-mana makmal ujian sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pesuruhjaya, untuk dianalisis.

(3) Suatu perakuan yang dikatakan sebagai perakuan seorang penganalisis yang digaji oleh makmal ujian yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya di bawah ceraian 2(c) tentang keputusan penganalisisan suatu sampel di bawah bab ini boleh diterima dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini sebagai keterangan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya, tetapi salah satu pihak boleh menghendaki orang yang membuat analisis itu untuk dipanggil sebagai seorang saksi.

(4) Tiada sesiapa pun boleh mengganggu apa-apa kelengkapan, instrumen atau peranti yang digunakan untuk memantau tempat kerja itu atau mengambil sampel untuk dianalisis.

- (5) Mana-mana orang yang –
(a) melanggar ceraian (4); atau

(b) tanpa kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya, menyiarkan atau mendedahkan kepada mana-mana orang keputusan sebarang analisis yang dibuat di bawah bab ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk memeriksa dan memastikan kehadiran.

43. (1) Seseorang pemeriksa boleh –

(a) memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mengetahui hal keadaan sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja, atau berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Perintah ini, dan menulis sebarang pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu; dan

(b) menghendaki dengan perintah secara bertulis kehadiran mana-mana orang di hadapan pemeriksa itu sendiri, yang berada di Negara Brunei Darussalam, yang, dari maklumat yang diberikan atau pun selainnya, ternyata mengetahui fakta-fakta atau hal keadaan perkara-perkara di bawah Perintah ini dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki demikian.

(2) Orang yang disebut dalam ceraian (1)(a) hendaklah terikat untuk menyatakan dengan sebenarnya fakta-fakta dan hal keadaan yang diketahuinya berhubung dengan perkara-perkara di bawah Perintah ini, kecuali hanya bahawa dia boleh enggan membuat, berkenaan dengan apa-apa fakta atau hal keadaan, suatu pernyataan atas alasan bahawa pernyataan itu akan menuduhnya melakukan jenayah, atau boleh secara langsung atau tidak langsung, mencenderungkannya atau mendedahkannya kepada sebarang hukuman atau perlucutan hak.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat di bawah bab ini oleh mana-mana orang hendaklah dibacakan kepadanya dan hendaklah, selepas pembetulan, jika perlu, ditandatangani olehnya.

(4) Jika mana-mana orang tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah di bawah ceraian (1)(b), pemeriksa itu boleh melaporkan ketidakhadiran orang itu kepada seseorang majistret yang boleh selepas itu mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah tersebut.

Orang tidak boleh mendedahkan maklumat terlindung.

44. (1) Jika seseorang itu menjalankan apa-apa tugas di bawah Perintah ini sebagai seorang pemeriksa mendapatkan maklumat terlindung mengenai urusan orang lain, dia tidak boleh mendedahkan maklumat terlindung itu kepada mana-mana orang lain melainkan jika pendedahan itu —

(a) dibuat dengan persetujuan bertulis orang yang disebut dalam maklumat itu;

(b) adalah bagi maksud perlaksanaan atau penguatkuasaan Perintah ini; atau

(c) adalah bagi mematuhi kehendak mana-mana mahkamah, tribunal, pihak berkuasa atau orang yang mempunyai kuasa yang sah untuk menghendaki pengemukaan dokumen-dokumen atau menjawab soalan-soalan.

(2) Jika mana-mana orang bertindak dengan melanggar ceraian (1), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud bab ini, sebutan kepada seseorang yang mendedahkan apa-apa maklumat terlindung termasuk dia membenarkan mana-mana orang lain untuk mendapatkan sebarang akses kepada apa-apa rekod, dokumen atau barang lain yang mengandungi maklumat itu yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya berdasarkan jawatannya sebagai seorang pemeriksa atau dia telah menjadi seorang pemeriksa.

(4) Dalam bab ini, "maklumat terlindung" bermakna maklumat yang pendedahannya akan dijangka, atau dapat dijangka dengan munasabah mendedahkan suatu rahsia perdagangan atau menjelaskan seseorang berkenaan dengan urusan perniagaannya yang sah.

BAHAGIAN X

KESALAHAN, HUKUMAN DAN PROSIDING

Kilang yang tidak berdaftar.

45. (1) Tiada sesiapa pun boleh menduduki atau menggunakan mana-mana premis sebagai suatu kilang jika —

(a) peraturan-peraturan menghendakinya untuk memegang suatu sijil pendaftaran suatu kilang atau suatu permit kilang yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan; dan

(b) dia tidak memegang sijil pendaftaran suatu kilang atau permit kilang tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$500, dihukum penjara lagi bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 7 hari atau kedua-duanya sekali bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Beban untuk membuktikan apa yang boleh dibuat dengan munasabah.

46. Jika dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini, dikatakan bahawa mana-mana orang tidak mematuhi suatu kewajipan untuk melakukan sesuatu seboleh-bolehnya dengan munasabah, adalah bagi tertuduh untuk membuktikan bahawa —

(a) tidaklah boleh dibuat dengan munasabah untuk melakukan lebih daripada apa yang sebenarnya telah dilakukan bagi memenuhi kewajipan itu; atau

(b) tidak ada cara yang boleh dibuat yang lebih baik daripada yang sebenarnya telah digunakan bagi memenuhi kewajipan itu.

Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat dll.

47. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang kecuaian di pihak seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau

seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

{2} Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian {1}, bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

(3) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini dilakukan oleh suatu perkongsian, tiap-tiap rakan kongsi perkongsian itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa —

/a/ kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya; dan

/b/ dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu yang sepatutnya telah dijalankan olehnya, dengan memberi perhatian kepada jenis tugas-tugasnya dalam jawatan itu dan semua hal keadaan.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini dilakukan oleh suatu persatuan yang tidak diperbadankan (selain dari suatu perkongsian), mana-mana pegawai persatuan yang tidak diperbadankan itu atau ahli badan tadbirnya adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa —

/a/ kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya; dan

/b/ dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu yang sepatutnya telah dijalankan olehnya, dengan memberi perhatian kepada jenis tugas-tugasnya dalam jawatan itu dan semua hal keadaan.

(5) Peraturan-peraturan boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan sebarang peruntukan bab ini, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Menteri, kepada mana-mana badan korporat atau persatuan yang tidak diperbadankan yang ditubuhkan atau diiktiraf di bawah undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam.

Penangkapan orang yang dituduh melakukan kesalahan di bawah bab-bab 15{3} atau 21{7}.

48. (1) Mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab-bab 15{3} atau 21{7} boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-mana pemeriksa yang diberi kuasa

oleh Pesuruhjaya bagi maksud itu dan dikemukakan di hadapan sesebuah mahkamah.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, mana-mana pegawai polis atau pemeriksa yang, setelah melakukan suatu penangkapan menurut ceraian (1), berpuashati tentang identiti, nama dan tempat kediaman orang yang ditangkap itu boleh, sebagai ganti mengemukakannya di hadapan sesebuah mahkamah atau kepada sesebuah balai polis, menyampaikan kepadanya suatu notis yang menghendakinya untuk hadir di mahkamah itu, pada masa dan pada tarikh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu.

(3) Bagi maksud memuaskan hatinya tentang identiti orang yang ditangkap itu, pegawai polis atau pemeriksa itu boleh menghendaki keterangan tentang identiti sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk diberikan oleh orang itu.

(4) Satu salinan notis yang disampaikan di bawah ceraian (2) hendaklah disediakan oleh pegawai polis atau pemeriksa itu, mengikut mana yang berkenaan, dan dikemukakan olehnya kepada mahkamah itu jika dikehendaki demikian oleh mahkamah itu.

(5) Jika orang yang kena tuduh hadir di hadapan sesebuah mahkamah menurut suatu notis yang disampaikan di bawah ceraian (2), mahkamah itu hendaklah mengambil tahu akan kesalahan yang dikatakan itu dan hendaklah mengambil tindakan selanjutnya seolah-olah dia telah dikemukakan di hadapannya di bawah ceraian (1).

(6) Jika seseorang yang kepadanya suatu notis telah disampaikan di bawah ceraian (2) tidak hadir di hadapan sesebuah mahkamah menurut notis tersebut, mahkamah itu boleh mengeluarkan suatu waran bagi penangkapannya.

(7) Jika seseorang yang ditangkap menurut suatu waran yang dikeluarkan di bawah ceraian (6) dikemukakan di hadapan sesebuah mahkamah, mahkamah itu hendaklah mengambil tindakan selanjutnya seolah-olah dia telah dikemukakan di hadapannya di bawah ceraian (1) dan hendaklah, pada penutup prosiding tersebut, memintanya untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dihukum kerana tidak hadir bagi mematuhi notis yang disampaikan di bawah ceraian (2).

(8) Jika sebab yang wajar tidak ditunjukkan di bawah ceraian (7), mahkamah itu boleh memerintahkannya untuk membayar suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 atau boleh memenjarakannya bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 bulan.

Hukuman am.

49. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini (tetapi tidak termasuk peraturan-peraturan) yang baginya tiada hukuman diperuntukkan dengan nyata boleh jika sabit kesalahan —

(a) dalam hal seseorang individu, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$200,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam hal suatu badan korporat, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500,000,

dan, jika pelanggaran yang berkaitan dengannya dia telah disabitkan berterusan selepas disabitkan, dia adalah (tertakluk kepada bab 51) melakukan suatu kesalahan lagi dan boleh dikenakan suatu denda —

- (i) dalam hal seorang individu, tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; atau
- (ii) dalam hal suatu badan korporat, tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Hukuman bagi pesalah berulang.

50. Jika seseorang itu —

(a) sekurang-kurangnya sekali dahulunya telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini (tetapi tidak termasuk peraturan-peraturan) yang menyebabkan kematian mana-mana orang; dan

(b) kemudiannya disabitkan atas kesalahan yang sama yang menyebabkan kematian orang lain,

mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman penjara lain yang dikenakkannya, menghukumnya dengan —

- (i) dalam hal seseorang individu, suatu denda tidak melebihi dari \$400,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dengan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; dan

- (ii) dalam hal suatu badan korporat, dengan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dengan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Kuasa mahkamah untuk memerintahkan supaya sebab pelanggaran diremedi.

51. (1) Jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti mengenakan sebarang hukuman, memerintahkannya supaya mengambil, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu (atau dalam masa tambahan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh mahkamah), langkah-langkah sebagaimana yang mungkin dinyatakan itu bagi meremedi perkara-perkara yang berkaitan dengannya pelanggaran berlaku.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), jika suatu perintah dibuat di bawah ceraian (1), orang yang telah disabitkan itu tidaklah bertanggungan di bawah Perintah ini berkaitan dengan penerusan pelanggaran dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu atau yang dibenarkan oleh mahkamah untuk meremedi perkara-perkara yang berkaitan dengannya pelanggaran berlaku.

(3) Jika, selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam perintah itu atau yang dibenarkan oleh mahkamah di bawah ceraian (1) berikutnya dengan sesuatu sabitan kerana suatu kesalahan, perintah itu tidak dipatuhi, orang yang disebut dalam ceraian itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana ketidakpatuhan itu berterusan selepas tarikh sabitan bagi kesalahan yang mula-mula disebutkan itu.

Pemalsuan sijil, catatan palsu dan pengakuan palsu.

52. Jika mana-mana orang —

(a) memalsukan atau melancungkan apa-apa sijil yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini;

(b) memberikan atau menandatangani apa-apa sijil yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini, dengan mengetahuinya sebagai palsu dalam sebarang butir penting;

(c) dengan mengetahui menyebarkan atau menggunakan apa-apa sijil yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini yang palsu, lancung atau tiruan;

(d) dengan mengetahui menyebarkan atau menggunakan, yang dikenakan kepada mana-mana orang, apa-apa sijil yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini yang tidak dikenakan demikian;

(e) menyamar sebagai mana-mana orang yang dinamakan dalam apa-apa sijil yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini;

(f) dengan salah berpura-pura sebagai seorang pemeriksa;

(g) dengan sengaja membiarkan sebarang pemalsuan, pemelancungan, pemberian, penandatanganan, penyebaran, penggunaan, penyamaran atau perbuatan berpura-pura yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) hingga (f);

(h) dengan sengaja membuat suatu catatan palsu dalam apa-apa rekod, notis, sijil atau dokumen yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini untuk disimpan, disampaikan atau dihantar;

(i) dengan sengaja membuat atau menandatangani suatu pengakuan yang dikehendaki oleh, di bawah, atau bagi maksud-maksud, Perintah ini yang palsu; atau

(j) dengan mengetahui menggunakan apa-apa catatan atau pengakuan palsu yang disebut dalam perenggan-perenggan (h) atau (i),

maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Bila majistret boleh mengambil tahu akan kesalahan.

53. Bagi maksud bab 133 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) dan dengan tidak menghiraukan ceraian (1) bab itu, seseorang majistret boleh mengambil tahu akan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini apabila menerima suatu aduan secara bertulis yang ditandatangani oleh seseorang pemeriksa.

Bidang kuasa mahkamah.

54. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh berkaitan dengan kesalahan itu.

Mengkompaun kesalahan.

55. (1) Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya bagi maksud itu boleh mengkompaun sebarang kesalahan di bawah

Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan tersebut suatu jumlah wang tidak melebihi separuh dari jumlah denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan itu atau suatu jumlah wang sebanyak \$5,000, mengikut mana yang lebih rendah.

(2) Apabila jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

Kuasa untuk mengubahsuai perjanjian.

56. (1) Jika, kerana suatu perjanjian di antara pemilik dan penghuni tempat kerja, yang seluruhnya atau mana-mana bahagiannya telah disewakan sebagai suatu tempat kerja, pemilik atau penghuni adalah dihalang dari melaksanakan apa-apa pengubahan struktur atau pengubahan lain dalam premis itu yang perlu untuk membolehkannya mematuhi Perintah ini atau bagi menepati dengan sebarang piawaian atau kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Perintah ini, pemilik atau penghuni boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya terma-terma perjanjian diketepikan atau diubahsuai.

(2) Mahkamah Tinggi boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan mana-mana saksi yang mereka ingin memanggilnya, membuat suatu perintah yang mengetepikan atau mengubahsuai terma-terma perjanjian itu sebagaimana yang dianggapnya adil dan saksama dalam hal keadaan kes itu.

Kuasa untuk membahagikan kos pengubahan.

57. (1) Jika dalam mana-mana premis, yang seluruhnya atau mana-mana bahagiannya telah disewakan sebagai suatu tempat kerja, apa-apa pengubahan struktur atau pengubahan lain dikehendaki bagi mematuhi Perintah ini atau bagi menepati dengan sebarang piawaian atau kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Perintah ini, dan pemilik atau penghuni tempat kerja itu, mengikut mana yang berkenaan, mengatakan bahawa keseluruhan atau sebahagian dari kos pengubahan itu sepatutnya ditanggung oleh pihak yang satu lagi, pemilik atau penghuni, mengikut mana yang berkenaan, boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya kos pengubahan itu dibahagikan di antara mereka.

(2) Mahkamah Tinggi boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan mana-mana saksi yang mereka ingin memanggilnya, membuat suatu perintah berhubung dengan pembahagian kos itu sebagaimana yang dianggapnya adil dan saksama dalam hal keadaan kes itu, dengan memberi perhatian kepada terma-terma sebarang kontrak di antara pihak-pihak itu, atau sebagai pilihan, Mahkamah bolch, atas permintaan pemilik atau penghuni tempat kerja itu, memutuskan pajakan.

BAHAGIAN XI

AM

Kaitan dengan undang-undang lain.

58. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini atau dalam sebarang tata amalan yang dibenarkan boleh mengurangkan kesan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Liabiliti sivil.

59. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh ditafsirkan —

(a) sebagai memberikan suatu hak tindakan dalam sebarang prosiding sivil berkaitan dengan sebarang pelanggaran, sama ada dengan perbuatan atau peninggalan, sebarang peruntukan Perintah ini; atau

(b) sebagai memberikan suatu pembelaan terhadap suatu tindakan dalam sebarang prosiding sivil atau selainnya sebagai menjelaskan suatu hak tindakan dalam sebarang prosiding sivil.

(2) Ceraian (1) tidaklah menjelaskan setakat mana (jika ada) suatu pelanggaran kewajipan yang dikenakan di bawah sebarang undang-undang bertulis boleh diambil tindakan.

Batasan liabiliti.

60. (1) Tiada tindakan, guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dibawa terhadap —

(a) Pesuruhjaya;

(b) seseorang Timbalan Pesuruhjaya;

(c) seseorang pemeriksa;

(d) seseorang pegawai yang diberi kuasa; atau

(e) seseorang pemeriksa yang diberi kuasa,

kerana sebarang kerosakan yang dilakukan kepada apa-apa butiran yang dinyatakan dalam ceraian (2) semasa menjalankan dengan suci hati sebarang pemeriksaan atau ujian yang ditentukan ke atas butiran itu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Ceraian (1) hendaklah dikenakan kepada butiran-butiran yang berikut —

- (a) suatu pesawat angkat atau lif;
- (b) suatu gear angkat;
- (c) suatu alat angkat atau mesin angkat;
- (d) suatu dandang stim;
- (e) suatu penerima stim;
- (f) suatu penerima udara;
- (g) suatu penerima tekanan loji penyejukan;
- (h) suatu bejana tekanan; atau
- (i) sebarang jentera lain yang dikehendaki oleh Perintah ini untuk diperiksa atau diuji oleh seorang pemeriksa yang diberi kuasa.

(3) Tiada tindakan, guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dibawa terhadap Pesuruhjaya atau mana-mana Timbalan Pesuruhjaya berkaitan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan sebarang kewajipan atau tugas di bawah bab 21.

Mengecualikan pekerja, tempat kerja dan kelengkapan dll.

61. (1) Perintah ini tidak boleh dikenakan kepada orang-orang yang sedang bekerja yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, walaupun kerja mereka dijalankan atau dilaksanakan di suatu tempat kerja yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan —

- (a) mana-mana golongan atau perihalan tempat kerja dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini;
- (b) mana-mana golongan atau perihalan orang dari mematuhi semua atau sebarang peruntukan Perintah ini; dan

(c) mana-mana golongan atau perihalan jentera, kelengkapan, loji, pepasangan atau barang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

(3) Pesuruhjaya boleh, tertakluk kepada sebarang arahan Menteri, dengan suatu perakuan secara bertulis mengecualikan —

(a) apa-apa jentera, kelengkapan, loji, pepasangan atau barang yang dikenalpasti secara khusus dalam perakuan itu dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini; atau

(b) mana-mana orang yang dikenalpasti secara khusus dalam perakuan itu dari mematuhi semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

Penyampaian dokumen dll.

62. (1) Apa-apa dokumen (termasuk sebarang saman atau perintah) yang dikehendaki atau dibenarkan untuk disampaikan di bawah Perintah ini boleh disampaikan —

(a) kepada mana-mana orang dengan menyerahkannya kepadanya, dengan meninggalkannya di atau dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar kepada tempat kediamannya;

(b) kepada mana-mana firma dengan menyerahkannya kepada mana-mana rakan kongsi firma itu, dengan meninggalkannya di atau dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar kepada pejabat firma itu;

(c) kepada pemilik mana-mana premis, pemilik apa-apa kelengkapan atau penghuni tempat kerja (termasuk mana-mana pemilik atau penghuni tempat kerja itu iaitu suatu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39) atau suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi (Penggal 84)) dengan apa-apa cara yang disebutkan di atas atau dengan menyerahkannya, atau satu salinannya yang benar, kepada pengurus, mandur atau orang lain yang bertanggungjawab di tempat kerja itu.

(2) Apa-apa dokumen tersebut boleh dialamatkan, bagi maksud menyampaikannya kepada penghuni suatu tempat kerja, kepada "penghuni tempat kerja itu" di alamat pos tempat kerja itu yang betul, tanpa nama atau perihalan lanjut.

(3) Ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada dokumen-dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Perintah ini untuk dikirimkan kepada mana-mana orang, firma, pemilik atau penghuni tempat kerja itu, dan kepada pengiriman, pengalamatan dan penyerahan dokumen-dokumen tersebut.

Pindaan Jadual.

63. (1) Tertakluk kepada bab 2(2), Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda mana-mana Jadual.

(2) Menteri boleh menetapkan dalam perintah di bawah ceraian (1) peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.

Peraturan-peraturan.

64. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya, dan peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut —

(a) mana-mana perkara berkenaan dengan pendaftaran sesuatu kilang, termasuk —

- (i) golongan atau perihalan kilang yang menghendaki pendaftaran;
- (ii) borang dan cara permohonan bagi pendaftaran;
- (iii) syarat-syarat pendaftaran;
- (iv) hal keadaan .yang di bawahnya suatu permohonan bagi pendaftaran boleh dibenarkan atau ditolak;
- (v) pengeluaran suatu sijil pendaftaran suatu kilang atau suatu permit kilang sebagai ganti sijil tersebut;
- (vi) tempoh sijil pendaftaran atau permit kilang;

- (vii) bentuk, penjagaan dan penyelenggaraan sebarang daftar yang akan disimpan oleh Pesuruhjaya bagi mana-mana premis yang didaftarkan sebagai suatu kilang atau yang berkaitan dengannya suatu permit kilang dikeluarkan;
- (viii) hal keadaan yang di bawahnya suatu sijil pendaftaran atau permit kilang boleh diperbaharui, disambung atau dibatalkan;
- (ix) mengenakan apa-apa kewajipan kepada penghuni suatu kilang untuk memberi maklumat kepada Pesuruhjaya berkenaan dengan apa-apa perubahan dalam mana-mana perkara berhubung dengan kilang itu;
- (x) membawa rayuan kepada Menteri berkaitan dengan pendaftaran kilang atau pengeluaran permit kilang;

(b) pencahayaan, pengalihan udara, suhu, kelembapan, haba sinaran, bunyi bising, saliran dan kebersihan di tempat kerja, dan menetapkan piawaiannya;

(c) penyediaan sumber pertolongan cemas dan lantikan personel pertolongan cemas di tempat kerja;

(d) prosedur dan sumber yang dikehendaki sekiranya berlaku kebakaran di mana-mana tempat kerja;

(e) cara, jika ada, yang dikehendaki untuk membuang bendasing dari udara di tempat kerja dan bagi mengurangkan haba berlebihan dan bunyi bising di tempat kerja;

(f) paras dedahan yang dibenarkan, kawalan dan pelupusan apa-apa bahan toksik atau beracun, sama ada pepejal, cecair, bergas atau berwap;

(g) pengendalian, penyimpanan dan pelupusan apa-apa organisma merbahaya dan bahan biobahaya;

(h) penggunaan dan kawalan, dan perlindungan dari bahaya dan langkah-langkah keselamatan apabila menggunakan, apa-apa jentera atau kelengkapan berbahaya;

(i) jenis pakaian dan perkakas yang akan disediakan untuk digunakan semasa bekerja;

(j) berkenaan dengan mana-mana pesawat angkat atau lif, gear angkat, alat angkat dan mesin angkat, dandang stim, penerima stim, penerima udara, penerima tekanan loji penyejukan dan mana-mana mesin lain —

- (i) syarat-syarat yang di bawahnya ia mungkin digunakan dan sebarang kehendak keselamatan berkenaan dengan penggunaannya;
- (ii) pembinaan, penggunaan atau penyelenggaraannya;
- (iii) pengeluaran sijil kecekapan kepada orang-orang yang boleh mengendalikan, atau menjaga dan mengawalnya;
- (iv) sebarang pemeriksaan atau ujian yang dikehendaki untuk dijalankan ke atasnya;
- (v) orang yang boleh memeriksa atau mengujinya untuk memastikan keadaan kerjanya yang selamat;
- (vi) cara bagaimana sebarang pemeriksaan atau ujian hendak dilaksanakan;
- (vii) kekerapan pemeriksaan atau ujian tersebut;
- (viii) bentuk, penyimpanan dan pemeriksaan sebarang sijil atau laporan pemeriksaan atau ujian tersebut;
- (ix) kewajipan mana-mana orang yang dibenarkan yang menjalankan pemeriksaan atau ujian tersebut;
- (x) pengenaan apa-apa kewajipan kepada mana-mana orang untuk memastikan pengendaliannya yang selamat atau keselamatan orang-orang yang sedang bekerja;

(k) bayaran yang akan dibayar berkaitan dengan mana-mana perkara atau hal yang dilakukan atau dokumen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini;

(l) pengeluaran sijil kecekapan kepada orang-orang yang menjaga atau mengendalikan enjin pembakaran dalam;

(m) jenis peperiksaan bagi sijil kecekapan yang akan dikeluarkan kepada orang-orang yang menjaga atau mengendalikan dandang stim atau enjin pembakaran dalam, keanggotaan suatu lembaga pemeriksa, bentuk sijil kecekapan, dan bayaran yang akan dibayar bagi peperiksaan dan sijil tersebut;

(n) pemberian kebenaran kepada penyedia latihan untuk menjalankan kursus-kursus latihan keselamatan dan kesihatan bagi orang-orang yang dikehendaki untuk menghadiri kursus-kursus tersebut di bawah Perintah ini, penubuhan suatu skim untuk membenarkan penyedia latihan, dan bayaran yang akan dibayar kepada penyedia latihan di bawah skim itu;

(o) jenis mana-mana loji gas yang boleh digunakan;

(p) jenis alat-alat dan paip-paip yang boleh digunakan dalam semua atau sebarang jenis loji gas;

(q) pemeriksaan loji gas;

(r) mencegah atau meminimumkan risiko kecederaan badan atau risiko memudarangkan kesihatan jika apa-apa pengilangan, jentera, kelengkapan, pepasangan, loji, barang atau proses yang digunakan atau kerja yang dijalankan di mana-mana tempat kerja melibatkan risiko tersebut;

(s) penyusunan yang akan dibuat bagi penyeliaan perubatan dan pemeriksaan perubatan (tidak termasuk rawatan perubatan yang bersifat pencegahan) dan bagi pemindahan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang yang sedang bekerja dari terdedah kepada risiko;

(t) kesihatan, keselamatan dan kebajikan berkaitan dengan jenis-jenis kerja yang berikut —

- (i) pengendalian bangunan yang dijalankan dengan cara perdagangan atau perniagaan, atau bagi maksud sebarang perusahaan industri atau komersil;
- (ii) kerja-kerja binaan kejuruteraan yang dijalankan dengan cara perdagangan atau perniagaan, atau bagi maksud sebarang perusahaan industri atau komersil;
- (iii) rekabentuk dan pengurusan pengendalian bangunan atau kerja-kerja binaan kejuruteraan;
- (iv) kerja yang melibatkan penggunaan atau pendedahan kepada racun perosak;
- (v) penyelenggaraan dan pembaikan jalan;
- (vi) kerja pengubahsuaian bangunan;
- (vii) penyelenggaraan dan pembaikan lif;
- (viii) kerja dalam ruang terkurung;

- (ix) kerja yang melibatkan penggunaan unit pameran visual;
- (x) kerja yang melibatkan suatu dandang stim, penerima stim atau penerima udara;
- (xi) apa-apa proses, kerja atau pengendalian lain —
 - (A) yang dari jenisnya akan menyebabkan sebarang risiko kecederaan badan kepada mana-mana orang yang sedang bekerja; atau
 - (B) yang menimbulkan sebarang bahaya kesihatan kepada orang-orang yang sedang bekerja;

(u) menjalankan sebarang penilaian risiko atau penyusunan keselamatan dan kesihatan dan kewajipan-kewajipan mana-mana penghuni, majikan atau mana-mana orang lain berkenaan dengan perjalanan penilaian risiko itu atau penyusunan keselamatan dan kesihatan itu;

(v) perlaksanaan sebarang sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan dan kewajipan-kewajipan mana-mana penghuni, majikan atau mana-mana orang lain berkenaan dengan perlaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan itu.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh menetapkan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pelanggaran sebarang peruntukannya, dan boleh menetapkan bahawa denda-denda tidak melebihi dari \$20,000 dan hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun boleh, jika sabit kesalahan, dikenakan berkaitan dengan sebarang kesalahan tersebut.

(4) Peraturan-peraturan itu boleh mengenakan kewajipan-kewajipan kepada mana-mana orang yang mempunyai kawalan atau pengaruh ke atas sebarang aspek keselamatan atau kesihatan tempat kerja, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana penghuni, pemilik, majikan, pengilang, pereka bentuk atau orang yang digaji.

(5) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (2)/r boleh —

(a) mlarang penggajian, atau mengubahsuai atau mengehadkan waktu-waktu bekerja, mana-mana orang yang sedang bekerja berhubung dengan apa-apa pengilangan, jentera, loji, proses atau perihalan kerja;

(b) mlarang, mengehadkan atau mengawal penggunaan apa-apa bahan atau proses;

(c) menetapkan berat maksimum yang boleh diangkat, dibawa atau digerakkan oleh mana-mana orang yang sedang bekerja;

(d) menetapkan kelayakan-kelayakan dan umur minimum, dan latihan yang akan diterima oleh orang-orang yang sedang bekerja yang menggunakan apa-apa jentera atau loji; dan

(e) menetapkan prosedur yang akan dijalankan sebelum kerja itu boleh dilaksanakan.

(6) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (2)(s) boleh —

(a) menghendaki supaya penyeliaan perubatan dan pemeriksaan perubatan di bawah peraturan-peraturan itu dilaksanakan oleh seseorang yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya; dan

(b) menetapkan kelayakan-kelayakan dan syarat-syarat lain yang akan dipenuhi bagi kebenaran tersebut.

(7) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (2)(t) boleh —

(a) mengenakan sebarang peruntukan Perintah ini kepada golongan premis, proses atau pengendalian yang disebut dalam ceraian itu;

(b) mengenakan kewajipan-kewajipan kepada orang-orang yang terlibat dalam jenis kerja yang disebut dalam ceraian itu, termasuk mana-mana pemaju, kontraktor, arkitek atau jurutera; dan

(c) menetapkan kelayakan-kelayakan dan latihan yang akan diterima oleh orang-orang yang terlibat dalam jenis kerja yang disebut dalam ceraian itu.

JADUAL PERTAMA (bab-bab 2, 27(2) dan 61(1))

TEMPAT KERJA TERTAKLUK KEPADA PERINTAH INI

1. Mana-mana kilang, termasuk mana-mana premis yang betul-betul bersebelahan dengan kilang yang dalam jagaan, pengurusan atau kawalan penghuni kilang itu.
2. Mana-mana premis di dalam sesebuah lapangan terbang di mana —
 - (a) sebarang pemeriksaan atau penelitian sesebuah pesawat udara atau isi kandungannya; atau
 - (b) sebarang pembersihan, pemuatan, pemunggahan atau pengisian semula bahan api sesebuah pesawat udara,

dilaksanakan oleh mana-mana orang selain daripada krew pesawat udara itu.

3. Mana-mana kapal di sesebuah pelabuhan di mana —
 - (a) sebarang pengikisan kerak, skurfing atau pembersihan dandang (termasuk kebuk pembakaran dan kotak asap) di dalam kapal itu;
 - (b) sebarang pembersihan mana-mana tangki, bilga atau palka di dalam kapal itu; atau
 - (c) sebarang pembinaan, pembinaan semula, pemberian, pemasangan, perlengkapan atau pemecahan, dilaksanakan.
4. Mana-mana dok, dermaga atau bagan di mana pemuatan, pemunggahan atau pengisian bahan api sesebuah kapal dilaksanakan oleh orang-orang selain daripada krew kapal itu.
5. Mana-mana premis yang ditetapkan sebagai suatu kawasan keretapi dan di mana sebarang pemeriksaan, ujian atau penyelenggaraan mana-mana keretapi dilaksanakan.
6. Mana-mana premis (selain daripada premis domestik) di mana suatu dandang stim, penerima stim atau penerima udara digunakan.
7. Mana-mana makmal atau premis lain di mana ujian, pemeriksaan atau penganalisisan apa-apa barang dilaksanakan.
8. Mana-mana kapal di mana sebarang tinjauan atau pemeriksaan kapal atau isi kandungannya dilaksanakan oleh mana-mana orang selain daripada krew kapal itu.
9. Mana-mana terowong, jambatan atau jejambat di mana sebarang tinjauan atau pemeriksaan terowong, jambatan atau jejambat itu dilaksanakan.
10. Mana-mana hotel, rumah tumpangan, dormitori, apartmen perkhidmatan, chalet, tapak perkhemahan atau premis lain di mana penyediaan tempat tinggal tidak lama dilaksanakan melalui perdagangan atau bagi maksud keuntungan.
11. Mana-mana restoran, bar, kantin atau premis lain di mana makanan atau minuman dijual atau disajikan untuk dimakan atau diminum di dalam premis tersebut atau di tempat lain.
12. Mana-mana hospital, hospis, rumah penjagaan atau klinik perubatan atau pergigian atau premis lain yang memberikan perkhidmatan kejururawatan dan pemulihan.

13. Mana-mana pusat veterinar yang memberikan sebarang perkhidmatan yang berikut —
 - (a) mendiagnosis penyakit pada, dan kecederaan kepada, binatang atau burung, termasuk ujian yang dijalankan bagi maksud-maksud diagnosik;
 - (b) rawatan, vaksinasi atau inoculasi binatang atau burung.
14. Mana-mana premis di mana landskap atau penyelenggaraan taman dilaksanakan.
15. Mana-mana premis di mana pengumpulan, penulenan atau pengagihan air dijalankan.
16. Mana-mana premis di mana pembuangan atau rawatan kumbahan atau sampah dilaksanakan.
17. Mana-mana premis di mana kitaran semula sisa atau skrap logam atau bukan logam dilaksanakan.
18. Mana-mana premis di mana —
 - (a) perkhidmatan pengangkutan freight, pembungkusan atau krating;
 - (b) perkhidmatan pemeriksaan kargo;
 - (c) perkhidmatan kontena; atau
 - (d) perkhidmatan kren,dilaksanakan melalui perdagangan atau bagi maksud-maksud keuntungan atau bersampingan dengan perniagaan lain yang dilaksanakan itu.

JADUAL KEDUA

(bab 4(1))

KEJADIAN BERBAHAYA

1. Kepecahan suatu bejana berputar, roda, batu canai atau roda canai yang digerakkan dengan kuasa mekanik.
2. Keruntuhan atau kegagalan kren, derik, win, pesawat angkat, kerangka cerucuk atau perkakas lain yang digunakan untuk mengangkat atau menurunkan orang atau barang-barang, atau apa-apa beban yang menanggung sebahagiannya (kecuali putusnya rantai atau anduh tali) atau terbaliknya kren.

3. Letupan atau kerosakan kebakaran kepada struktur mana-mana bilik atau tempat di mana orang-orang sedang bekerja, atau kepada mana-mana jentera atau loji yang terkandung di dalamnya, dan mengakibatkan penggantungan sepenuhnya kerja biasa di dalam bilik atau tempat itu atau pemberhentian jentera atau loji itu selama tidak kurang dari 5 jam, jika letupan atau kebakaran itu disebabkan oleh pencucuhan abu, gas atau wap, atau pencucuhan seluloid atau sesuatu bahan yang terdiri seluruhnya atau sebahagiannya dari seluloid.
4. Litar pintas elektrik atau kegagalan jentera elektrik, loji atau perkakas, yang disertai dengan letupan atau kebakaran atau menyebabkan kerosakan struktur kepadanya, dan melibatkan pemberhentiannya atau ia tidak digunakan selama tidak kurang dari 5 jam.
5. Letupan atau kebakaran yang menjelaskan mana-mana bilik di mana orang-orang sedang bekerja dan menyebabkan penggantungan sepenuhnya kerja biasa di dalam bilik itu selama tidak kurang dari 24 jam.
6. Letupan atau kegagalan struktur suatu dandang stim atau suatu penerima atau kontena yang digunakan untuk menyimpan pada suatu tekanan yang lebih tinggi dari tekanan atmosfera apa-apa gas atau gas-gas (termasuk udara) atau apa-apa cecair atau pepejal yang berpunca dari pemampatan gas.
7. Kegagalan atau keruntuhan kerja acuan atau topangnya.
8. Keruntuhan, sebahagiannya atau seluruhnya, aram-aram yang tingginya melebihi 15 meter atau aram-aram terampai atau aram-aram bergantung yang darinya mana-mana orang mungkin jatuh lebih dari 2 meter.
9. Resipan tidak sengaja atau kemasukan air laut ke dalam dok kering atau dok terapung yang menyebabkan dok kering atau dok terapung itu banjir.

JADUAL KETIGA

(bab 4(1))

PENYAKIT-PENYAKIT PEKERJAAN

1. Keracunan anilina .
2. Antraks
3. Keracunan arsenik
4. Asbestosis
5. Barotrauma

6. Keracunan berilium
7. Bissinosis
8. Keracunan kadmium
9. Keracunan karbamat
10. Keracunan karbon bisulfida
11. Keracunan karbon dioksida
12. Keracunan karbon monoksida
13. Katart
14. Ulser krom
15. Keracunan kronik benzena
16. Penyakit udara termampat
17. Keracunan sianida
18. Ulser epiteliomatus (disebabkan oleh tar, gegala, bitumen, minyak mineral atau parafin atau apa-apa sebatian, produk atau baki apa-apa bahan tersebut)
19. Kelenjar
20. Keracunan hidrogen sulfida
21. Keracunan plumbum
22. Leptospirosis
23. Angiosarkoma hati
24. Keracunan mangan
25. Keracunan merkuri
26. Mesotelioma
27. Keracunan wasap nitrus
28. Kepekakan disebabkan bunyi bising

29. Penyakit kulit pekerjaan
30. Asma pekerjaan
31. Keracunan pestisid
32. Keracunan fosforus
33. Keracunan dari terbitan halogen sebatian hidrokarbon
34. Radiasi
35. Keracunan kayu rengas
36. Gangguan strain berulang
37. Silikosis
38. Anemia toksik
39. Hepatitis toksik
40. Tuberkulosis.

JADUAL KEEMPAT

(bab 4(1))

KERJA-KERJA BINAAN KEJURUTERAAN .

1. Pembinaan mana-mana landasan keretapi atau landasan sisi.
2. Pembinaan, pengubahan struktur atau pembaikan (termasuk meratakan semula dan mengecat semula) atau perobohan mana-mana dok, pelabuhan, navigasi pelayaran darat, terowong, jambatan, jejambat, kerja air, reservoir, talian paip, akueduk, pembentungan, kerja pembenangan atau pemegang gas.
3. Pembinaan, pemasangan, pengubahan struktur, pemeriksaan, penyelenggaraan, pembaikan, perobohan atau pemindahan —
 - (a) mana-mana talian paip untuk membawa air, gas atau apa-apa benda lain;
 - (b) mana-mana saliran, sama ada terbuka atau tertutup, kecuali saliran terbuka yang terletak di premis domestik; atau
 - (c) mana-mana kabel elektrik bawah tanah dan kabel perhubungan.

4. Pemeriksaan, pembaikan atau penyelenggaraan mana-mana lurang, takungan ruang pemeriksaan, ruang injap dan mana-mana struktur terkurung lain yang seumpamanya yang memberikan akses kepada talian paip atau kabel elektrik bawah tanah dan kabel perhubungan.
5. Pembinaan mana-mana jalan atau tempat letak kereta.
6. Penebusgunaan mana-mana tanah.

JADUAL KELIMA

(bab-bab 16(1) dan 17(1))

JENTERA, KELENGKAPAN ATAU BAHAN BERBAHAYA

BAHAGIAN 1

JENTERA DAN KELENGKAPAN

1. Aram-aram dan apa-apa bahan atau komponen yang digunakan untuk mendirikannya
2. Semua kelengkapan angkat
3. Forklift
4. Penekan kuasa
5. Pembengkok bar
6. Apa-apa kelengkapan atau perpaipan yang dimaksudkan untuk pengendalian di bawah tekanan, termasuk semua bejana tekanan statutori
7. Apa-apa kelengkapan atau perpaipan yang dimaksudkan untuk mengandungi bahan kakisan, toksik atau mudah terbakar
8. Kelengkapan kimpalan, termasuk apa-apa aksesori, perkakas atau alat yang diperlukan untuk membolehkan penggunaannya
9. Bahan atau komponen yang digunakan bagi pembinaan struktur sokongan
10. Alat berkuasa letupan
11. Kelengkapan yang digunakan untuk letupan las, termasuk apa-apa aksesori, perkakas atau alat yang diperlukan untuk membolehkan penggunaan dan pengendaliannya.

BAHAGIAN II

BAHAN-BAHAN BERBAHAYA

1. Bahan kakisan
 2. Bahan mudah terbakar
 3. Bahan letupan
 4. Bahan pengoksidaan
 5. Bahan piroforik
 6. Gas di bawah tekanan
 7. Peroksida organik
 8. Bahan pemanasan sendiri
 9. Bahan reaktif sendiri
 10. Bahan yang, apabila bersentuhan dengan air, mengeluarkan gas mudah terbakar
 11. Bahan toksik
 12. Mutagen
 13. Karsinogen
 14. Teratogen
 15. Alat pemeka
 16. Bahan iritasi
 17. Bahan berbahaya kepada alam sekitar akuatik.

JADUAL KEENAM (bab-bab 27(2) dan 61(1))

ORANG YANG SEDANG BEKERJA YANG DIKECUALIKAN

1. Mana-mana anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Kawalan Narkotik, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan

Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan; dan seseorang Pegawai Imigresen yang dilantik di bawah bab 3 dari Akta Imigresen (Penggal 17), semasa bertugas.

2. Seseorang anggota krew yang sedang bekerja di dalam mana-mana kapal, pesawat udara atau mana-mana cara pengangkutan antarabangsa lain yang tidak menimbulkan risiko kepada keselamatan dan kesihatan mana-mana orang selain daripada anggota krew itu sendiri atau mana-mana anggota krew lain di dalam kapal, pesawat udara atau cara pengangkutan antarabangsa lain itu.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 3 haribulan Oktober, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM